

93 - 269

**SEMPATKAH
GHAFAR
JADI PM?**

ZABIDI HAJI SAIDI

NASKHAN PEMELIHARAAN
PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA
30 JAN 1993

Cetakan pertama Disember 1992

@ Zabidi Haji Saidi 1992

Hakcipta terpelihara. Mana-mana bahagian dalam penerbitan ini tidak boleh disalin semula, disimpan kekal atau dipindah sebarang bentuk atau sebarang cara sama ada cara elektronik, sawatan, salinan foto, rakaman dan sebagainya tanpa terlebih dahulu mendapat izin daripada penerbit secara bertulis.

Diterbitkan oleh

Wajah Kota (M) Sdn. Bhd.,
5-1, Jalan Dewan Sultan Sulaiman Satu,
50300 KUALA LUMPUR.
Malaysia.
Tel: 03-2929242

Diatur huruf oleh

IQ Communication
P.O. Box 10653
50720 Kuala Lumpur

Muka taip teks:
English Times

Saiz taip teks
10/12 poin

Dicetak oleh

Polygraphic Marketing Sdn. Bhd.
Lot. 14, Jalan 1,
Kawasan Perusahaan Cheras Jaya,
Balakong, Batu 11, Jalan Cheras.
43200 SELANGOR D.E.
Malaysia.

Harga:RM5.00

ISBN-983-9824-02-3

693273

APB

13 OCT. 1993

Perpustakaan Negara

Dedikasi buat;

Neneku, Hajah Zaharah Haji Yusof,
Ayahku, Haji Saidi Haji Abdul Latif,
Ibuku, Hajah Zainun Haji Abdullah
dan tak lupa buat
Datukku, Allahyarham Haji Abdulllah Omar
(Penghulu Mukim Gelugor, Kuala Terengganu
yang meninggal dunia di Pasir Gajah, Kemaman,
Terengganu pada 17 Mac 1988).

KANDUNGAN

Prakata

Mukadimah

1. Anwar "The Second Coming ..."	2
2. Angka 9 Bawa Tuah Kepada Anwar	7
3. Harun Jadi "King Maker"	16
4. Kabinet Rujuk Balik Ghafar	26
5. Sembilan Menteri Tanding Naib Presiden	32
6. Rahsia Di sebalik Kabinet Ketujuh	39
7. Nasib MB-MB Baru Dalam MT	47
8. Sempatkah Ghafar Jadi PM?	53
9. Tokoh MCA Berlagak DAP	58
10. Bila Melayu Hilang Sabar	62
11. Pengundi Parit Raja Mahu "Perdamaian"	67
12. ADUN Teruntum - vs - ADUN Teras	71

Prakata

Y.A.B. Encik Abdul Ghafar Baba seorang pejuang yang bukan sedikit pengorbanannya terhadap negara ini. Beliau juga merupakan satu-satunya pemimpin UMNO yang paling lama duduk di kerusi Naib Presiden sehingga 25 tahun.

Oleh itu, inisiatif Encik Zabidi Haji Saidi, seorang penulis yang prolifik sejak mengenali dunia penulisan dalam tahun 1981, sewaktu masih menuntut di Universiti Malaya mengumpul bahan-bahan tulisannya patutlah dihargai.

Itulah sebabnya saya bersetuju menerbitkan bahan tulisannya kerana banyak perkara yang disentuhnya bukan spekulasi ataupun ramalan rambang sebaliknya satu catatan penting yang perlu disimpan sebagai bahan rujukan.

Tajuk-tajuk tulisannya masih *umphh* walaupun jarak waktu sudah semakin jauh. Inilah yang menariknya tulisan-tulisan beliau kerana berbeza dari hasil penulisan lain-lain penulis yang pernah saya ikuti.

Oleh itu, sebagai hasil pertama berbentuk buku yang dihasilkannya, pelbagai kekurangan dan kesilapan tidak mungkin tersisih. Oleh itu, inisiatif saya ialah mengurangkan sebanyak mungkin kesalahan itu untuk memperelokkan hasilnya.

Yang penting ialah pembaca yang tersentuh di dalam tulisan ini tidak menganggapnya sebagai usaha menjatuhkan mereka sebaliknya catatan sejarah ini adalah bahan penting di khazanah UMNO dan negara.

Saya juga berharap supaya tidak ada mana-mana Ahli Parlimen yang enggan bersalaman dengan Zabidi jika mereka tidak mendapat faedah daripada tulisan-tulisan ini kerana tiada perjuangan tanpa pengorbanan.

Jika kita tewas di dalam usaha merebut sesuatu jawatan itu bukanlah bermakna kita tidak baik tetapi yang menang itu adalah lebih baik daripada diri kita. Masa belum terlewat untuk memperbaikinya dan Insya Allah, suatu waktu nanti peluang kita akan sampai juga.

Terima kasih kepada semua pihak yang terlibat di dalam menyiapkan buku ini dan salam perjuangan khusus saya ucapkan kepada semua pemimpin hari ini kerana mereka adalah aktor yang

mencipta sejarah manakala saya adalah salah scorang dari manusia
kerdil yang terlibat di dalam merakamkan sejarah.

Yang manis itu tidak semestinya sedap manakala yang pahit itu
mungkin ubat yang paling mujarab.

Wassalam.

Daud Ibrahim
b.p Penerbit.
21hb. November 1992.
KUALA LUMPUR.

Mukadimah

CITA-CITA untuk menjadi seorang wartawan sudah tersemai sejak di bangku sekolah rendah lagi. Saya masih ingat ketika saya dalam darjah enam saya telah menerbitkan akhbar sendiri yang bertulis tangan secara mingguan.

Setiap petang saya naik basikal ke pelusuk kampong untuk mencari berita. Akhbar tulisan tangan itu saya sajikan kepada rakan-rakan yang berkunjung ke rumah saya. Itulah kenangan yang tidak dapat dilupakan ketika tinggal di Banggol Peradong, Kuala Terengganu dari tahun 1968 - 1971. Banggol Peradong yang pernah dikunjungi oleh Timbalan Perdana Menteri, Ghafar Baba ketika berkempen pada pilihanraya kecil Teluk Pasu pada tahun 1989 tetap dalam ingatan walaupun sudah 21 tahun saya tidak menetap di kampong tersebut.

Ketika belajar di Maktab Rendah Sains MARA, Seremban (1972-1976) bidang penulisan semakin hampir pada diri saya setelah saya dilantik sebagai pengarang majalah SERUAN ISLAM terbitan Persatuan Ugama Islam. Ketika itu Pengetua MRSM, Jamaludin Abdul Hamid (kini Ketua Eksekutif Yayasan Pelajaran MARA) menyemak semua bahan-bahan yang telah saya pilih untuk diterbitkan dalam majalah dwitahunan itu.

Ketika di Universiti Malaya, saya dilantik sebagai sidang pengarang majalah Kolej Keempat (1980/81) dan sidang pengarang majalah VARSITI terbitan Persatuan Mahasiswa Universiti Malaya (PMUM) bagi sesi 1981/82. Sejak itu saya sering menghantar rencana-rencana ke akhbar Watan.

Minat yang mendalam terhadap penulisan menyebabkan saya berhenti sebagai Penolong Pengarah FELCRA yang lebih lumayan gajinya. Saya memohon jawatan wartawan Watan tetapi permohonan saya gagal. Pada masa yang sama saya sudah menghantar surat peletakan jawatan saya di FELCRA. Maka saya tidak ada pilihan lain, terpaksa menganggur dan balik kampong.

Ketika menganggur inilah saya menulis semula rencana-rencana dalam akhbar Watan. Berkat kesabaran saya, akhirnya saya diterima bekerja dengan Watan pada 6 April 1987. Sejak itu saya menulis sepenuh masa yang mana saya memang meminati penulisan

rencana.

Sebagai graduan Pengajian Melayu yang memang membuat pengkhususan dalam bidang kesusasteraan Melayu, saya sebenarnya bercita-cita menjadi seorang sastrawan. Sebaliknya saya menjadi wartawan yang lebih menumpukan kepada penulisan non-kreatif. Ini yang menghairankan saya kerana saya lebih berminat menuulis rencana-rencana politik dari menulis kreatif seperti cerpen dan puisi bertentangan dengan apa yang saya belajar di kampus.

Setelah menjadi wartawan, saya terfikir sampai bila saya harus menjadi perakam berita. Alangkah baiknya saya menjadi seorang penulis buku. Sejak itu saya bercita-cita menjadi seorang penulis buku yang mana akhirnya menjadi kenyataan apabila dipelawa secara serius oleh rakan saya, Daud Ibrahim.

Sebenarnya dari kecil lagi saya berangan menjadi penulis buku kreatif seperti novelis tetapi akhirnya saya menjadi penulis buku politik pula. Alhamdullilah, akhirnya cita-cita saya menjadi kenyataan apabila rakan saya, Daud Ibrahim sudi menerbitkan buku sulung saya ini yang berjudul **SEMPATKAH GHAFAR JADI PM?**

Buku ini sebenarnya merupakan koleksi tulisan-tulisan saya dalam akhbar Watan sejak tahun 1982 lagi. Ini bermakna sebelum saya bekerja dengan Watan pada tahun 1987, saya sudah menulis dalam akhbar itu sejak ia berada di bawah pengurusan Pustaka Antara lagi.

Ingin saya jelaskan di sini bahawa tidak semestinya pendapat yang saya kemukakan dalam buku ini masih saya pegang sekarang kerana pendapat itu diluahkan ketika saya menulis rencana itu sahaja. Barangkali ada pandangan saya terhadap tokoh-tokoh tertentu itu sudah tidak valid lagi sekarang.

Sebagai penulis buku yang baru, saya tidaklah sehebat S.H. Al Atas, Ainol Jamal, Hussein Yaacob, Daud Ibrahim, Sayuti Omar (sekadar menyebut beberapa nama) tetapi sekurang-kurangnya apa yang saya ramal dalam rencana-rencana saya sudah menjadi kenyataan.

Dalam rencana ANWAR - "THE SECOND COMING", saya mencadangkan supaya Anwar Ibrahim yang baru aktif dalam UMNO bertanding jawatan Ketua Pemuda UMNO. Akhirnya beliau menang jawatan itu pada 9 September 1982.

Lewat rencana ANGKA 9 BAWA TUAH KEPADA ANWAR,

saya mengulas kemenangan Anwar sebagai Ketua Pemuda UMNO yang baru setelah mengalahkan Datuk Haji Suhaimi Kamarudin dengan majoriti 10 undi.

Melalui rencana PERTANDINGAN MUSA - RAZALEIGH: HARUN JADI "KING MAKER" yang disiarkan dalam Watan, 29 Julai 1983, saya meramalkan Tengku Razaleigh Hamzah dan Datuk Harun Idris akan menentang Datuk Musa Hitam bagi jawatan Timbalan Presiden UMNO pada 25 Mei 1984. Ramalan ini menjadi kenyataan apabila Datuk Musa memenangi jawatan itu dalam pertandingan tiga penjuru setelah ditentang oleh Tengku Razaleigh dan Datuk Harun.

Dalam rencana KABINET RUJUK BALIK GHAFAR, saya mencadangkan supaya Ghafar Baba bertanding jawatan Timbalan Presiden, akhirnya beliau menang jawatan itu pada 24 April 1987.

Dalam rencana SEMBILAN MENTERI TANDING NAIB PRESIDEN saya mencadangkan supaya Anwar selaku Menteri Pendidikan bertanding jawatan Naib Presiden, akhirnya beliau bertanding dan menang pada tahun 1987 juga.

Saya turut mengulas rombakan kabinet selepas pilihanraya umum 1986 dalam rencana RAHSIA DI SEBALIK KABINET KETUJUH yang mana saya dapati trend melantik mana-mana Menteri Besar yang bertanding kerusi parlimen sebagai menteri kabinet berulang. Ini yang berlaku pada Datuk Seri Najib Tun Razak dan Datuk Ajib Ahmad yang dilantik sebagai menteri penuh setelah menjadi Menteri-Menteri Besar Pahang dan Johor.

Dalam rencana NASIB MB-MB BARU DALAM MT saya meramalkan Menteri-Menteri Besar baru seperti Tan Sri Haji Muhammad Haji Muhd. Taib, Tan Sri Osman Aroff, Tan Sri Haji Muhyiddin dan Dr. Hamid Pawanteh akan memenangi kerusi majlis tertinggi pada tahun 1987. Ternyata ramalan saya tepat. Saya turut mencadangkan supaya semua negeri mengujudkan jawatan Timbalan Ketua Menteri terutamanya Pulau Pinang. Ternyata cadangan saya itu menjadi kenyataan bilamana Dr. Ibrahim Saad dilantik sebagai Timbalan Ketua Menteri Pulau Pinang selepas pilihanraya umum 1990.

Dalam rencana SEMPATKAH GHAFAR JADI PM? saya bertanya samada Ghafar Baba yang baru memenangi kerusi Timbalan Presiden UMNO itu dapat menduduki kerusi PM. Adakah teori

RAHMAN pada huruf A itu untuk Abdul Ghafar Baba atau Anwar Ibrahim atau Abdullah Ahmad Badawi? Ini yang masih menjadi misteri kepada kita semua.

Sekurang-kurangnya sebagai penulis yang tidak terkenal, tulisan-tulisan saya turut mempengaruhi tindak-tanduk tokoh-tokoh politik tertentu. Saya rasa seronok bila tokoh-tokoh pujaan saya memenangi jawatan tertentu walaupun mereka tidak kenal siapa saya.

Saya memang tidak kenali pemimpin-pemimpin yang saya tulis dalam rencana-rencana ini secara dekat kerana memang saya tidak pernah berpeluang mendekati mereka.

Ini yang menguntungkan saya kerana saya dapat menulis secara bebas tanpa perlu berpihak kepada sesiapa. Jika saya kenali mereka, sudah tentu tulisan saya tidak objektif lagi. Sebagai penulis, kita tidak wajar berpihak. Ini yang menyebabkan saya tidak pernah mendekati mereka kerana bimbang tulisan saya tidak bebas lagi.

Oleh itu jika saya menyenangi beberapa tokoh tertentu dalam buku ini, ini bukan bermakna saya pro kepada mereka atau diupah oleh mereka. Bagaimana saya mahu diupah sedangkan mereka sendiri tidak kenali siapa saya?

Dalam usaha menerbitkan buku ini, saya ingin merakamkan ucapan penghargaan kepada Ainol Jamal, Khairune Mohd. Ali, Haji Hishamudin Haji Yaacob, Fickry Haji Yaacob kerana tanpa mereka barangkali tulisan saya tidak mendapat tempat dalam Watan sejak tahun 1982.

Juga kepada sahabat saya, Daud Ibrahim yang banyak memberi galakan kepada saya sehingga cita-cita saya untuk menjadi penulis buku akhirnya menjadi kenyataan. Tanpa Daud Ibrahim, siapalah saya.

ZABIDI HAJI SAIDI
Kuala Lumpur
November 1992



SIAPAKAH yang Dr. Mahathir undi untuk duduk sebagai Timbalan Presiden UMNO jika berlaku pertandingan antara Ghafar dengan Anwar. Sebab undi itu rahsia, maka tiada siapa yang mengetahuinya kecuali Allah SWT dan Dr. Mahathir sendiri.

ANWAR - 'THE SECOND COMING...'

PADA 29 Mac lalu, Anwar Ibrahim, bekas Presiden ABIM dengan rasminya mengisyiharkan dirinya sebagai orang UMNO.

Bagaimanapun, menurutnya beliau sudah menjadi anggota UMNO sejak 18 tahun lalu dan tidak pernah menerima surat yang mengatakan beliau dipecat dari parti tersebut.

Oleh yang demikian, dapatlah kita simpulkan bahawa kedatangan semula Anwar ke pangkuhan UMNO sebagai "kedatangan kedua" (the second coming). Kedatangannya kali ini sebagai seorang ahli yang aktif.

Tulisan ini cuba mengandaikan masa depan Anwar Ibrahim dalam UMNO. Memanglah terlalu awal untuk meramalkan kedudukan politik Anwar dalam UMNO buat masa ini. Lebih-lebih lagi beliau belum lagi terpilih sebagai seorang Ahli Parlimen UMNO. Bagaimanapun, tulisan ini cuba bersikap adil berlandaskan kedua-dua aspek, menang atau kalahnya Anwar dalam pilihanraya ini.

Kiranya Anwar kalah dalam pilihanraya ini dalam pertandingan tiga penjuru di Permatang Pauh, yang ditentang oleh dua orang calon iaitu Haji Zabidi Haji Ali (PAS) dan Tan Ah Huat (DAP), ini bermakna kedudukan Anwar dalam politik UMNO amat gelap. Ini bermakna imej bekas pemimpin karismatik ini menurun. Dengan sendirinya, dapat disimpulkan bahawa pengundi-pengundi kawasan tersebut tidak menerima Anwar sebagai wakil rakyat

mereka.

Kejayaan memimpin sebuah pertubuhan belia yang mempunyai keanggotaan seramai 40,000 orang, belum tentu memberi jaminan dapat diterima sebagai pemimpin UMNO. Semua orang tahu Permatang Pauh adalah satu-satunya kubu PAS di Pulau Pinang. Kemenangan PAS bermakna mengukuhkan lagi pengaruh PAS di Pulau Pinang. Sebaliknya kekalahan PAS akan melenyapkan terus PAS dari arena politik Pulau Pinang.

Para pengundi sudah tentu serba salah untuk memilih pemimpin mereka. Apakah mereka mahu terus menerima pimpinan bekas wakil rakyat mereka, Haji Zabidi atau seorang pemimpin baru dari Kerajaan? Penyertaan calon DAP yang masih mentah (baru berusia 22 tahun) di kawasan yang mempunyai 80% pengundi Melayu menjelaskan adanya pakatan sulit antara PAS dengan DAP yang cuba memecahkan undi orang Cina. Pengundi-pengundi Cina yang cauvinistik sudah tentu akan memberi undi mereka kepada DAP.

Sebaliknya pengundi Cina yang matang akan memberikan undi mereka kepada Barisan Nasional. Inilah yang membahayakan kedudukan Anwar. Anwar mungkin telah melakukan kesilapan yang amat besar kerana bertanding di kubu PAS. Sepatutnya Anwar memilih kawasan UMNO yang selamat untuk membolehkan beliau terpilih ke Parlimen.

Menurut laporan akhbar, Permatang Pauh adalah kawasan lama ayahnya, Haji Ibrahim Abdul Rahman. Ayah Anwar pernah terwas di kawasan tersebut. Kemunculan Anwar sebagai calon Barisan Nasional dapat ditafsirkan sebagai mahu menebus kembali kekalahan ayahnya dahulu. Mahu mengembalikan semula kerusi yang pernah dirampas dari tangan ayahnya.

Anwar Ibrahim pernah menjelaskan bahawa kemasukannya ke dalam UMNO bukanlah untuk mengejar pangkat dan kedudukan. Sebaliknya untuk menyumbangkan tenaganya secara aktif untuk kepentingan agama, bangsa dan tanah air.

Jadi andainya Anwar kalah dalam pilihanraya ini, Anwar akan terus aktif dalam UMNO. Mungkin Anwar akan dilantik sebagai Ahli Dewan Negara (Senator). Malah Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad ketika diterima semula sebagai ahli UMNO pada tahun

1972 dahulu, pernah dilantik menjadi Senator sebelum terpilih semula sebagai Ahli Parlimen pada tahun 1974.

Sebaliknya, kemenangan Anwar nanti akan mencerahkan nasibnya dalam bidang politik UMNO. Bagaimanapun, persoalan yang timbul sekarang ialah sebanyak manakah majoriti undi yang bakal diperolehi oleh Anwar. Majoriti undi yang tinggi akan menafsirkan ketokohan Anwar sebagai pemimpin yang diterima oleh semua golongan. Sebaliknya, majoriti yang rendah bermakna ketokohan Anwar tidak sehebat mana. Ketokohan Anwar tidak dapat menggerhanakan langsung kewibawaan Haji Zabidi.

Kiranya Anwar terpilih sebagai Ahli Parlimen Permatang Pauh pada 22 April ini, sudah tentu beberapa jawatan kabinet seperti Setiausaha Parlimen atau Timbalan Menteri atau Menteri akan melambai beliau. Kiranya Anwar tidak tertarik dengan tawaran untuk berada dalam kabinet (berdasarkan kenyataannya tidak mahu mengejar pangkat dan kedudukan), Anwar boleh menjadi penyokong 'back bencher'. Dr. Mahathir ketika mula-mula menjadi Ahli Parlimen (1964-1969) pun pernah menjadi 'back bencher'.

Untungnya Anwar kiranya menjadi 'back bencher', beliau dapat menegur dasar-dasar Kerajaan yang tidak sebulu dengan prinsipnya. Anwar sendiri pernah menegaskan bahawa kemasukannya ke dalam UMNO tidaklah bermakna prinsip perjuangannya telah dikorbankan. Beliau akan terus mempertahankan prinsipnya. Sama-samalah kita lihat sejauh mana Anwar berjaya mempertahankan prinsipnya.

Apakah suara Anwar akan terus lantang seperti ketika menjadi Presiden ABIM dahulu? Masihkah beliau sensitif terhadap isu-isu politik, ekonomi dan sosial seperti yang pernah dilaungkannya dahulu?

Untuk menjadi pemimpin yang dapat bersuara lantang, Anwar patut dipilih sebagai Ketua Pergerakan Pemuda UMNO Malaysia. Pada bulan September nanti, pemilihan Ketua Pemuda UMNO yang baru akan diadakan. Anwar sebagai 'back bencher' yang tidak terikat dengan mana-mana kementerian, patut menerima pencalonan untuk bertanding jawatan itu.

Dengan kedudukannya sebagai Ketua Pemuda UMNO nanti sudah tentu Anwar dapat duduk sebaris dengan Naib-Naib Pre-

siden UMNO yang lain iaitu Ghafar Baba, Datuk Harun Idris dan Tengku Ahmad Rithaudeen.

Sejak Datuk Haji Suhaimi Datuk Haji Kamaruddin, Timbalan Menteri Pelajaran mengetuai Pergerakan Pemuda UMNO Malaysia, pergerakan itu sudah tidak bertenaga lagi. Lemah dan kaku. Tidak seperti di zaman Datuk Harun Idris dahulu yang mana Pemuda UMNO begitu disegani. Cuma Anwar yang mampu mengembalikan suasana seperti yang pernah dicapai di zaman Harun pada pergerakan tersebut.

Malah dalam banyak-banyak isu yang pernah diperkatakan pada tahun lepas, Pemuda UMNO ternyata tidak menunjukkan reaksi yang pantas. Oleh itu, Anwar yang pernah mengetuai seramai 40,000 orang belia dalam ABIM mampu memulihkan tenaga Pemuda UMNO.

Pendek kata, kiranya Anwar menang dalam pilihanraya ini, masa depannya begitu cerah dalam UMNO. Dan tidak syak lagi, dalam masa 10 atau 15 tahun akan datang, Anwar akan muncul sebagai seorang pemimpin Malaysia yang ulung.

Baru-baru ini ada cadangan dalam akhbar setempat untuk menukar nama ABIM kepada AMIM. Penulis menyokong penuh penukaran nama ini kerana Anwar sudah tidak lagi memimpin ABIM yang dapat diertikan sebagai "Anwar Bin Ibrahim, Muslim". Oleh itu dengan pemimpinnya yang baru, ABIM perlu menukar nama untuk mendapat imej baru.

Kita akan lihat juga apakah sesudah menjadi Yang Berhormat Barisan Nasional nanti, Anwar akan terus berpakaian "simple" seperti dahulu. Kiranya Anwar tetap seperti dahulu, ini bermakna Anwar Ibrahim memecahkan rekod sebagai Ahli Parlimen Barisan Nasional yang tidak gemar berkot, bertai atau berbush-jacket.

Sama-samalah kita tunggu keputusan pilihanraya pada tengah malam 22 April nanti. Kemudian barulah dapat kita mengagak dengan lebih tepat jalan mana akan dilalui oleh Anwar Ibrahim, calon Barisan Nasional bagi kawasan Parlimen Permatang Pauh.

(Disiarkan dalam akhbar WATAN, Jumaat, 23 April 1982).

PERGERAKAN PEMUDAHUMNO MALAYSIA YANG KE-35



TAHNIAH... brother boleh berstanding jawatan Timbalan President tapi adakah rakan-rakan kita di sini yang masih setia dengan Saudara? Saya takut ada yang belot. Maklumlah politik, mana ada rakan yang setia selama-lamanya dan tiada musuh yang berkekalan... barangkali itulah yang dikatakan Najib kepada Anwar.

ANGKA 9 BAWA TUAH KEPADА ANWAR

PADA 29 Mac lalu, Anwar Ibrahim telah menggemparkan ramai orang apabila beliau memilih parti UMNO untuk bergiat cergas dalam politik.

Selama ini ramai orang menganggap Anwar akan memilih parti PAS untuk meneruskan perjuangan Islam sesuai dengan kedudukannya sebagai Presiden ABIM ketika itu. Rupa-rupanya Anwar sudah lama menjadi ahli UMNO. Sejak 18 tahun lalu. Akan tetapi Anwar sengaja tidak aktif dalam UMNO memandangkan dasar-dasar UMNO ketika itu tidak 'sebulu' dengan prinsip perjuangannya.

Pada 22 April pula (24 hari kemudian), Anwar memenangi pilihanraya kebangsaan sebagai calon Barisan Nasional (BN) bagi kawasan Parlimen Permatang Pauh, setelah mengalahkan calon PAS, Haji Zabidi Haji Ali dengan majoriti lebih 14,000 undi. Dengan kemenangan ini, kerusi Parlimen tunggal PAS di Pulau Pinang telah jatuh ke tangan UMNO.

Seminggu kemudian (29 April), Anwar dilantik oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad sebagai Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri yang bertanggungjawab untuk melaksanakan projek-projek Bank Islam dan Universiti Islam Antarabangsa(UTM).

Pada 9 Ogos lalu, Anwar telah memenangi jawatan Ketua

UMNO Bahagian Permatang Pauh tanpa bertanding bila mana Ketua Bahagian yang sedia ada, Datuk Haji Mohd. Noor Abu Bakar menarik diri di saat-saat akhir pengundian hendak dijalankan. Dengan ini Anwar bukan sahaja berfungsi sebagai Ahli Parlimen Permatang Pauh, bahkan juga sebagai Ketua Bahagian berkenaan.

Pada 13 Ogos lalu, Anwar mengumumkan sedia bertanding jawatan Ketua Pemuda UMNO Malaysia atas alasan bukan untuk mengejar pangkat tetapi untuk membawa pembaharuan dan perubahan pada pergerakan tersebut.

Dan kemuncak pada 9 September lalu (pada hari tersebut, genap 164 hari Anwar aktif semula dalam UMNO), beliau dipilih sebagai Ketua Pergerakan Pemuda UMNO Malaysia yang baru setelah mengalahkan Ketua lama, Datuk Haji Suhaimi Datuk Haji Kamaruddin dengan majoriti 10 undi.

Ini bermakna Anwar juga adalah salah seorang Naib Presiden UMNO Malaysia yang baru selain daripada Ghafar Baba, Datuk Harun Idris, Tengku Ahmad Rithaudeen dan Datin Paduka Aishah Ghani.

Anwar berjaya memperolehi 183 undi manakala Haji Suhaimi mendapat 173 undi dan seorang ahli perniagaan, Hang Tuah Arshad cuma berjaya memungut 3 undi sahaja.

Keputusan pemilihan Ketua Pemuda itu adalah satu keputusan yang amat memerlukan memandangkan Anwar baru aktif semula dalam UMNO sejak 29 Mac lalu. Sudah tentu kejayaan Anwar menumbangkan Haji Suhaimi (yang telah mengetuai pergerakan itu selama lima tahun) dalam masa lima bulan sesudah aktif semula dalam UMNO, merupakan satu kejayaan yang menakjubkan.

Malah bekas Ketua Pemuda UMNO, Datuk Harun Idris ketika mengulas kemenangan Anwar mengatakan, "mungkin ada sesuatu yang istimewa pada Anwar".

Anwar pula menyifatkan kemenangannya sebagai mandat perwakilan yang mahukan perubahan. Ternyata Haji Suhaimi gagal membawa sebarang perubahan sepanjang lima tahun memimpin pergerakan itu. Sebab itulah selepas kematian Ketua Pemuda ketika itu, Tan Sri Syed Jaafar Albar, imej Pergerakan Pemuda UMNO Malaysia terus menurun.

Menyorot kembali kedudukan Haji Suhaimi dalam Pergerakan itu, beliau berada di dalam pergerakan itu selama lima penggal (10 tahun). Bermula dari tahun 1972, Haji Suhaimi berjaya menduduki kerusi EXCO Pemuda dengan undi terbanyak. Ketika itu beliau adalah ADUN Dengkil, Selangor dan Ahli EXCO Kerajaan Selangor.

Pada tahun 1974, Haji Suhaimi kalah di tangan Datuk Mohammed Rahmat untuk jawatan Naib Ketua Pemuda. Bagaimana, Haji Suhaimi berjaya mengekalkan jawatan EXCO Pemuda dengan undi terbanyak juga.

Pada tahun 1976, Haji Suhaimi berjaya menjadi Naib Ketua Pemuda UMNO setelah mengalahkan Datuk Mokhtar Hashim. Pada waktu itu, Pergerakan Pemuda diketuai oleh Syed Jaafar Albar.

Setelah kematian Syed Jaafar Albar pada 14 Januari 1977, Haji Suhaimi memangku jawatan Ketua Pemuda UMNO sehingga dipilih sebagai Ketua Pemuda UMNO yang baru pada tahun 1978. Haji Suhaimi mencatat sejarah kerana inilah kali pertama berjaya disahkan sebagai Ketua Pergerakan Pemuda UMNO Malaysia.

Pada tahun tersebut, Haji Suhaimi berjaya memungut 200 undi manakala Datuk Seri Syed Nahar Shahabuddin mendapat 123 undi dan Hang Tuah Arshad mendapat 36 undi.

Dua tahun kemudian (1980), Haji Suhaimi dicabar oleh bekas Ketua Pemuda UMNO sendiri, Harun Idris. Bagaimanapun Haji Suhaimi berjaya mengekalkan kedudukannya dengan kelebihan 45 undi. Haji Suhaimi mendapat 198 undi manakala Harun memperolehi 153 undi dan calon ketiga, Hang Tuan Arshad memperolehi 7 undi.

Setelah menjadi ahli EXCO Pemuda selama empat tahun; Naib Ketua Pemuda hampir setahun; Pemangku Ketua Pemuda selama setahun dan Ketua Pemuda UMNO selama dua penggal (empat tahun), pada 9 September lalu, Haji Suhaimi tewas di tangan bekas Presiden ABIM dengan kekurangan 10 undi.

Dapatlah kita buat kesimpulan bahawa undi Haji Suhaimi terus merosot pada setiap kali pemilihan Ketua Pemuda UMNO dilangsungkan. Pada tahun 1978, Haji Suhaimi berjaya memperolehi 200 undi. Cuma 2 undi sahaja yang merosot pada tahun 1980 dan

seterusnya undinya terus merosot sebanyak 25 undi pada tahun ini. Dari 198 undi (1980) ke 173 undi (tahun ini).

Soalnya, apakah Haji Suhaimi akan mencabar Anwar pula pada tahun 1984 nanti? Memandangkan majoriti undi yang diperolehi oleh Anwar cuma 10 undi, besar kemungkinan Haji Suhaimi akan bertemu sekali lagi dengan Anwar buat pusingan kedua pada tahun 1984.

Ketika menjadi Presiden ABIM, Anwar sering menang tanpa bertanding bagi jawatan tersebut. Dua tahun lagi, Anwar tidak mungkin menang tanpa bertanding bagi jawatan Ketua Pemuda UMNO. Pergerakan Pemuda UMNO Malaysia adalah berbeza daripada ABIM.

Oleh itu Anwar perlulah menyusun strategi dari sekarang supaya jawatan Ketua Pemuda yang disandangnya kini tidak terlepas ke tangan orang lain.

Pertandingan Anwar - Haji Suhaimi pada 9/9/1982 (Double Nine) memang amat sengit. Kekalahan Haji Suhaimi sebanyak 10 undi di tangan Anwar menunjukkan betapa pengaruh Haji Suhaimi masih kuat dalam Pemuda UMNO. Haji Suhaimi mempunyai keistimewaan sebagai Presiden Belia 4B Malaysia dan ramai perwakilan Pemuda UMNO terdiri daripada ahli-ahli Belia 4B. Oleh itu tidak hairanlah Anwar cuma memenangi jawatan tersebut dengan majoriti yang kecil.

Schingga ini kedudukan Haji Suhaimi masih samar-samar lagi. Bagaimanapun, Dr. Mahathir berkata Haji Suhaimi tidak akan kehilangan jawatan Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri.

Haji Suhaimi kini bukan sahaja tidak berada dalam Pergerakan Pemuda UMNO Malaysia bahkan dalam Majlis Tertinggi UMNO. Oleh itu, pada hemat penulis, Haji Suhaimi patutlah dilantik sebagai Setiausaha Agong UMNO yang baru untuk menggantikan Datuk Mustafa Jabar yang berura-ura mahu berhenti.

Akan tetapi masakan Haji Suhaimi yang masih muda itu (43 tahun) sanggup menerima jawatan tersebut. Sudah tentu Haji Suhaimi bercadang bertanding jawatan Ahli Majlis Tertinggi UMNO pada dua tahun akan datang sekiranya Haji Suhaimi tidak berminat menemui Anwar di pusingan kedua pada tahun tersebut juga.

Pada tahun lepas, kita telah menyaksikan peralihan pucuk pimpinan UMNO yang mana Dr. Mahathir mengambil alih jawatan Presiden UMNO dan Datuk Musa Hitam pula memenangi jawatan Timbalan Presiden UMNO setelah mengalahkan Tengku Razaleigh Hamzah dengan kelebihan 205 undi.

Dr. Mahathir merupakan Perdana Menteri Malaysia yang pertama berkelulusan dari Universiti setempat (Universiti Malaya, Singapura ketika itu Singapura berada dalam Malaysia). Perdana Menteri-Perdana Menteri kita sebelum ini- Tunku Abdul Rahman, Tun Abdul Razak dan Tun Hussein Onn adalah berkelulusan dari Universiti di England. Sebab itulah kerajaan pimpinan Dr. Mahathir tidak memandang ke Barat lagi berdasarkan pendidikannya diperolehi di tanahair sendiri.

Hal yang sama berlaku kepada Musa Hitam. Sungguhpun Musa memperolehi ijazah sarjana sastera di England, tetapi Musa mendapat ijazah pertama di universiti setempat juga. Sebab itulah Tengku Razaleigh yang mendapat ijazah ekonomi di England tidak diterima oleh para perwakilan UMNO sebagai Timbalan Presiden.

Trend yang sama nampaknya berlaku dalam Pergerakan Pemuda UMNO pada tahun ini. Anwar yang mendapat ijazah dari Universiti Malaya, Kuala Lumpur berjaya mengalahkan Haji Suhaimi yang memperolehi ijazah undang-undang dari England.

Cuma Naib Ketua Pemuda UMNO, Datuk Seri Najib Tun Razak yang beruntung. Najib menang tanpa bertanding bagi jawatan tersebut sekalipun memperolehi pendidikan tinggi di England. Jadi tidak hairanlah bila Najib menyokong Haji Suhaimi dalam pemilihan Ketua Pemuda tempoh hari kerana mereka berdua adalah keluaran universiti dari England.

Dr. Mahathir, Musa dan Anwar adalah sebahagian dari pemimpin kita yang memperolehi pendidikan di universiti setempat. Selepas pemerintahan 2M mengambil alih teraju negara, kita dapatil corak pemikiran kita tidak lagi menyanjung Barat.

Ternyata pemimpin-pemimpin yang dikeluarkan oleh universiti setempat lebih mampu mendekati dan memahami masalah rakyat jelata berbanding dengan pemimpin yang mendapat pendidikan dari Barat. Oleh itu kita perlulah lebih ramai pemimpin keluaran

universiti setempat supaya corak pemerintahan negara tidak lagi mendewa-dewakan Barat. Sepatah kata Dr. Mahathir, "memandang ke Timur bermakna juga memandang diri sendiri".

Regu Anwar-Najib mungkin menjadi regu yang tidak sesuai. Lebih-lebih lagi, baru-baru ini, Najib turut berkempen untuk Haji Suhaimi dalam perebutan jawatan Ketua Pemuda UMNO. Bagaimanapun, terdapat tiga persamaan antara Anwar-Najib

Pertama, nama kedua-duanya adalah nama Presiden Mesir. Menurut Tun Razak, anak sulungnya itu dinamakan Mohd. Najib sempena mengambil nama Presiden Najib dari Mesir (lihat buku Tun Razak, Riwayat Hidup dan Zamannya oleh William Shaw, hal 120). Dan nama Anwar pula mengingatkan kita kepada Anwar Sadat, juga Presiden Mesir, dari segi ejaan. (Orang lain yang mempunyai nama yang sama dengan beliau biasanya dieja sebagai 'Anuar').

Persamaan kedua, Awnar dan Najib adalah pemimpin "generasi kedua" yang mewarisi politik dari ayah mereka. Najib adalah anak sulung Allahyarham Tun Razak, Perdana Menteri Malaysia yang kedua (1970-76) manakala Anwar adalah anak Haji Ibrahim Abdul Rahman, bekas Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan dalam kabinet Tunku Abdul Rahman.

Dan persamaan ketiga, mereka berdua berbintang Leo. Anwar yang dilahirkan pada 10 Ogos 1947 berusia 35 tahun manakala Najib dilahirkan pada 23 Julai 1953 dan ketika dipilih sebagai Ahli Parlimen Pekan merupakan Ahli Parlimen termuda dalam sejarah politik Malaysia pada tahun 1976 (23 tahun). Dapatkah kedua-dua pemimpin yang sama-sama berbintang Leo ini bekerjasama antara satu sama lain?

Kiranya regu Anwar-Najib tidak dapat menyesuaikan diri masing-masing, dua tahun lagi, kiranya Anwar menang tanpa bertanding sebagai Ketua Pemuda UMNO, sudah tentu seorang calon yang sesuai dengan Anwar akan diketengahkan untuk menentang Najib.

Di kalangan EXCO Pemuda UMNO yang ada sekarang, nam-paknya yang paling sesuai untuk jawatan Naib Ketua pada dua tahun akan datang ialah Megat Junid Megat Ayob. Megat Junid yang kini menjadi Ahli Parlimen Hilir Perak banyak berkempen

untuk Anwar baru-baru ini, adalah seorang lagi pemimpin berkelulusan dari Universiti setempat.

Anwar dalam masa lima bulan selepas membuat "come back-nya" ke pangkuhan UMNO telah berjaya dipilih sebagai Ketua Pemuda UMNO yang automatiknya menjadi salah seorang Naib Presiden UMNO.

Harapan ahli-ahli Pergerakan Pemuda UMNO Malaysia terhadap Anwar terlalu tinggi. Oleh itu, Anwar perlulah melaksanakan perubahan dan pembaharuan dalam Pemuda UMNO supaya dua tahun lagi Pemuda UMNO akan lebih bertenaga. Bagaimanapun, seperti kata Anwar, beliau perlukan kerjasama dari semua pihak baik dari ahli maupun EXCO Pemuda. Anwar tidak mungkin dapat melakukan perubahan dan pembaharuan tanpa sokongan dan kerjasama dari semua pihak. Oleh itu marilah kita sama-sama berganding bahu memberi kerjasama kepada Anwar.

Memandangkan majoriti undi yang diperolehi oleh Anwar terlalu kecil, Anwar perlulah mendekati sebanyak mungkin Bahagian Pemuda. UMNO mempunyai 114 Bahagian Pemuda. Memanglah tidak mungkin bagi Anwar untuk melawat semua Bahagian Pemuda dalam masa dua tahun sebelum berlangsungnya pemilihan akan datang.

Kiranya Anwar mahu melawat semua Bahagian Pemuda di Semenanjung Malaysia, Anwar memerlukan 114 minggu (andainya setiap hujung minggu digunakan untuk melawat setiap Bahagian) bersamaan dua tahun dua bulan setengah. Ini memanglah sesuatu yang mustahil memandangkan bulan Jun 1984 (andainya Persidangan Pemuda UMNO diadakan pada bulan tersebut) lebih kurang 21 bulan atau 84 minggu dari sekarang.

Bagaimanapun, Anwar perlulah bergaul dengan sebanyak mungkin Bahagian Pemuda lebih-lebih lagi Bahagian-Bahagian yang mencalonkan Haji Suhaimi bagi jawatan Ketua Pemuda UMNO baru-baru ini. Dengan ini, Anwar selaku Ketua Pemuda yang baru, dapat bertukar-tukar fikiran dan berdialog dengan Bahagian-Bahagian berkenaan.

Anwar kini akan menjadi satu "legenda" dalam sejarah politik tanah air. Belum pernah ada seorang ahli politik yang baru aktif semula dalam UMNO dapat mengalahkan seorang tokoh yang

sudah berakar umbi dalam Pergerakan Pemuda UMNO selama 10 tahun.

Ini membuktikan bahawa ketokohan Anwar sebagai bekas Presiden ABIM dihormati oleh ahli-ahli Pergerakan Pemuda UMNO. Ada pepatah Melayu yang berbunyi, "Benih yang baik, kalau jatuh ke laut menjadi pulau". Begitulah yang dapat diibaratkan pada diri Anwar.

Dahulu ABIM mengakui ketokohnya dan kini Pergerakan Pemuda UMNO Malaysia pula menerima kepimpinannya. Semoga Pemuda UMNO memperolehi wajah baru sesuai dengan mendapat pemimpin baru. Anwar naik terlalu cepat dalam politik dan diharapkan Anwar tidak akan jatuh sedemikian cepat (minta dijauhkan).

Kiranya pada tahun ini diadakan pemilihan "Man of The Year", pada hemat penulis, Anwar adalah pilihan yang tepat kerana dalam masa lima bulan (164 hari), Anwar bukan sahaja Ahli Parlimen Permatang Pauh, ketua UMNO Bahagian Permatang Pauh, Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri bahkan juga kini memegang jawatan Ketua Pergerakan Pemuda UMNO Malaysia. Semoga Anwar berjaya melaksanakan keempat-empat tugas yang diamanahkannya itu.

Sesungguhnya Peristiwa "Double Nine" (9 September)- sehingga kini merupakan kemuncak dalam karier politik Anwar Ibrahim.

(Disiarkan dalam akhbar WATAN, Selasa, 28 September 1982).



PERMOHONAN saya menjadi anggota UMNO belum diluluskan lagi. Jangan lama-lama sangat sebab ramai penyokong-penyokong saya sedang mengintai-ngintai untuk mengikut jejak saya. Kalau permohonan saya ditolak, saya fikir mereka pun takut untuk memohon.

Pertandingan Musa – Razaleigh : **HARUN JADI “KING MAKER”**

“ADAKAH anak Raja saja yang boleh mengawal Raja? Orang biasa sekalipun gagah, radikal dan gigih, tak segagah anak Raja tua dari Kedah itu. Kalau orang biasa tak mampu mengawal suasana, nanti orang berfikir anak Raja yang boleh mengawal suasana. Apa kata Tengku Razaleigh?”

Demikian Subky Latif mengakhiri Fokas Pagi Jumaat bertajuk “Berpuasa kerana Allah” yang tersiar dalam akhbar Watan bertarikh 24 Jun lalu.

Dari kesimpulan yang dibuat oleh Subky Latif dalam tulisan itu dapat ditafsirkan seolah-olah Subky telah mula mengemukakan kepada ahli-ahli UMNO nama Tengku Razaleigh Hamzah (Ku Li) sebagai calon Timbalan Presiden UMNO yang akan diperlantik pada tahun depan.

Ku Li sudah tentu tidak tergemarkan menandingi Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad untuk jawatan Presiden UMNO kerana kiranya beliau mahu berbuat demikian, sudah tentu beliau tandingi Dr. Mahathir pada tahun 1978 dahulu ketika Dr. Mahathir memangku jawatan Timbalan Presiden UMNO.

Sungguhpun Perhimpunan Agung UMNO tahun 1984 masih jauh lagi setahun dari sekarang- namun demikian desas-desus yang mengatakan Timbalan Presiden UMNO sekarang, Datuk Musa Hitam akan ditandingi sedang bertiup kencang.

Kalau tidak, masakan Presiden UMNO, Dr. Mahathir sanggup mengingatkan ahli-ahli UMNO supaya jangan menganggap de-

mokrasi yang tercatat dalam perlumbagaan parti sebagai hal bagi mereka untuk bertanding dalam sebarang jawatan tanpa mengira perasaan orang lain dan kesannya kepada UMNO, ketika merasmikan Mesyuarat Agung Perwakilan UMNO Bahagian Temerloh, Pahang pada 2 Mei lalu.

Malah terdahulu dari tarikh itu, pada 16 April 1983, ketika merasmikan Mesyuarat Agung Perwakilan UMNO Bahagian Hulu Kelantan, Dr. Mahathir telah mengingatkan ahli-ahli UMNO supaya mempertahankan tradisi parti dan sabar menunggu giliran untuk naik agar perpaduan UMNO dapat dikekalkan.

Yang menariknya, ucapan itu disampaikan ketika merasmikan Mesyuarat Agung Perwakilan yang mana Ku Li menjadi Ketua Bahagiannya. Ia dapat ditafsirkan seolah-olah Dr. Mahathir memberi amaran kepada Ku Li supaya menandingi Musa Hitam pada tahun depan. Mungkin pada pandangan beliau, memadailah Ku Li bertanding jawatan Naib Presiden sahaja pada tahun depan. Dan janganlah ganggu-gugat seorang lagi 'M' untuk melengkapkan perintahan 2M (Mahathir-Musa).

Soalnya, apakah kedudukan Musa sebagai Timbalan Presiden UMNO sudah selamat sehingga menang tanpa bertanding pada tahun depan? Memandangkan keadaan-keadaan semasa, kedudukan Musa belum tentu selamat. Sebab itulah Dr. Mahathir melantik Musa sebagai Ketua Perhubungan UMNO Negeri Perak untuk menjamin kedudukannya teguh. Pada hal apa salahnya jawatan itu diberikan kepada Menteri Besar Perak sendiri, Ramli Ngah Talib. Kenapa perlu import orang Johor untuk menjadi orang nombor satu dalam Perhubungan UMNO Perak? Inilah persoalan yang perlu dijawab.

Dengan mengetuai Perhubungan UMNO bagi kedua-dua buah negeri Perak dan Johor yang paling ramai menghantar bilangan perwakilan ke Perhimpunan Agung UMNO, sudah tentu dapat memastikan kemenangan Musa kiranya beliau ditandingi pada tahun depan. Itupun kalau Musa menerima undi yang solid dari Johor dan Perak.

Soal yang timbul pula, siapakah calon yang paling layak mewaranti Musa? Adakah Ku Li? Atau Ghafar Baba? Atau Datuk Harun Idris? Atau Tengku Ahmad Rithaudeen? Atau Anwar Ib-

rahim?

Peristiwa 26 Jun 1981- sekalipun sudah dua tahun berlalu, namun tidak pernah dilupakan oleh Ku Li. Masakan beliau dapat melupakan peristiwa pahit itu setelah menerima kekalahan di tangan Musa dengan kekurangan 205 undi. Ku Li hanya memperolehi sebanyak 517 undi manakala Musa meraih sebanyak 722 undi.

Sebagai seorang yang mempunyai maruah, sudah tentu Ku Li berazam menandingi Musa untuk menebus kekalahannya dua tahun lepas. Namun begitu, beliau perlukan sokongan yang solid daripada ketiga-tiga orang Naib Presiden yang ada sekarang.

Ghafar Baba yang memperolehi sebanyak 869 undi dalam pemilihan Naib Presiden pada tahun 1981 itu tentu boleh membantu Ku Li. Mereka berdua tidak mempunyai masalah untuk bekerjasama. Dari dahulu lagi mereka dikatakan berada dalam kem yang sama. Ghafar mengalami nasib yang sama dengan Ku Li. Ghafar sudah dua kali dikenetepikan oleh pucuk pimpinan UMNO. Kali pertama, ketika Allahyarham Tun Razak memilih birasnya, Tun Hussein Onn sebagai Timbalan Perdana Menteri (selepas kematian Tun Dr. Ismail) pada hal ketika itu kedudukan Hussein Onn lebih junior dari kedudukan Ghafar dalam barisan Naib Presiden UMNO.

Kali kedua, ketika Hussein Onn, Pemangku Presiden UMNO selepas kematian Tun Razak, memilih Dr. Mahathir sebagai Timbalan Perdana Menteri yang baru merangkap Pemangku Timbalan Presiden UMNO. Pada hal ketika itu, Ghafar menduduki tempat pertama dalam barisan Naib Presiden UMNO (1975-1978) berbanding dengan Dr. Mahathir yang menduduki tempat ketiga dalam barisan Naib Presiden UMNO. Lebih-lebih lagi Ghafar pernah memangku jawatan Perdana Menteri ketika Tun Razak berada di luar negeri semasa Timbalannya, Hussein Onn sakit.

Hal yang sama nampaknya berlaku pada diri Ku Li. Apabila Hussein Onn melantik Dr. Mahathir sebagai Timbalan Perdana Menteri yang baru pada bulan Mac 1976, Ku Li turut dikenetepikan. Ketika itu kedudukan Ku Li dalam barisan Naib Presiden UMNO lebih tinggi dari kedudukan Dr. Mahathir.

Kali kedua Ku Li dikenetepikan apabila dikalahkan oleh Musa

juniornya dalam barisan Naib Presiden UMNO 1978-81. Pada waktu itu Musa adalah Naib Presiden ketiga (699 undi) manakala Ku Li adalah Naib Presiden pertama (763 undi).

Memandangkan kedudukannya sebagai Naib Presiden pertama, apabila ada ura-ura Hussein Onn ingin meletakkan jawatannya sebagai Presiden UMNO sekitar April -Mei 1981, sebab itulah dengan cepat Ku Li mengumumkan bertanding jawatan Timbalan Presiden UMNO kiranya ada kekosongan tanpa menunggu pengumuman rasmi daripada Hussein Onn pada 15 Mei 1981. Kegopohannya inilah yang menyebabkan beliau kalah teruk di tangan Musa itu.

Apabila memperkatakan tentang diri Ghafar dan Ku Li, sukalah penulis mengulas ucapan Dr. Mahathir sewaktu merasmikan Mesyuarat Perwakilan UMNO Bahagian Temerloh pada 2 Mei lalu. Beliau mengingatkan ahli-ahli UMNO supaya jangan bertanding sebarang jawatan tanpa mengira perasaan orang lain dan kesannya kepada UMNO.

Soalnya di sini, perasaan siapa yang perlu diambil kira atau dijaga? Apakah perasaan Dr. Mahathir dan Musa sahaja yang perlu dijaga? Bagaimana pula perasaan pemimpin-pemimpin UMNO yang lain?

Ketika Allahyarham Tun Razak melantik Hussein Onn sebagai Pemangku Timbalan Presiden UMNO, Tun Razak tidak pernah mengambil kira perasaan Ghafar Baba dan seorang lagi Naib Presiden UMNO ketika itu, Tun Sardon Jubir yang paling senior antara ketiga-tiga Naib Presiden itu.

Begitu juga apabila Hussein Onn melantik Dr. Mahathir sebagai Pemangku Timbalan Presiden UMNO yang baru, Hussein Onn tidak pernah mengambil kira perasaan Ghafar Baba dan perasaan Ku Li.

Dan ketika Musa Hitam menawarkan diri sebagai calon Timbalan Presiden UMNO dua tahun lalu atas nama demokrasi, Musa tidak pernah mengambil kira perasaan Ku Li yang terlebih dahulu menawarkan dirinya atas sebab-sebab senioritinya dalam barisan Naib Presiden UMNO (1975-1981).

Oleh itu, Dr. Mahathir tidak perlu takut pada sebarang pertandingan kerana beliau pernah berkata bahawa yang menang juga

menang, dan yang kalah pun menang kerana kita berada dalam satu parti. Oleh yang demikian, kiranya berlaku pertandingan Musa-Razaleigh pada tahun depan bukanlah bermakna Ku Li mahu melukai perasaan Musa tetapi atas nama demokrasi seperti yang dicanangkan oleh Musa dua tahun lepas.

UMNO tidak mungkin berpecah kerana kiranya Ku Li tewas pada tahun depan, takkanlah beliau mahu keluar dari UMNO. Tidak mungkin berlaku kerana beliau pernah berkata bahawa hidup matinya untuk UMNO.

Selain dari Ghafar Baba, Ku Li perlukan juga sokongan Harun Idris, seorang lagi Naib Presiden UMNO yang memperolehi sebanyak 757 undi. Undi kemenangan Musa sebanyak 205 undi dalam pertandingan Razaleigh-Musa dua tahun lepas, dipercayai datangnya dari penyokong-penyokong Harun. Oleh itu peranan Harun sebagai "King maker" masih tidak boleh ditolak tepikan. Dengan itu sokongan Harun amat diperlukan oleh Ku Li demi menumbangkan Musa.

Bagi Tengku Ahmad Rithaudeen, seorang lagi Naib Presiden yang mendapat 711 undi, dipercayai tidak mempunyai masalah untuk memberi sokongan kepada Ku Li. Lebih-lebih lagi mereka berdua datang dari negeri yang sama dan mereka bersaudara pula.

Bagaimana pula dengan Anwar Ibrahim? Ketua Pemuda UMNO yang secara automatiknya seorang Naib Presiden UMNO? Beliau dikatakan berkecuali, tidak memihak ke mana-mana. Bagaimanapun, ketika menjemput Musa merasmikan mesyuarat Perwakilan UMNO Bahagian Permatang Pauh tidak lama dahulu, Anwar Ibrahim dalam ucapannya terlalu banyak memuji-muji Musa seolah-olah dapat ditafsirkan sebagai penyokong Musa.

Kiranya Ku Li memperolehi sokongan yang solid dari keempat-empat Naib Presiden yang disebutkan di atas, dapatlah dikatakan Ku Li masih mampu menandingi Musa. Soal menang atau kalah, adalah soal kedua. Pokoknya, Ku Li perlu menebus kekalahannya.

Dr. Mahathir nampaknya lebih bernasib baik daripada Hussein Onn dalam memimpin UMNO. Pada tahun depan, mungkin pada bulan Jun, Dr. Mahathir akan menjadi Presiden UMNO bagi penggal kedua selepas menamatkan penggal pertamanya (1981-84).

Hussein Onn cuma sempat menjadi Presiden UMNO selama se-penggal sahaja (1978-81) setelah memangkunya selama dua tahun.

Itu pun terpaksa mengalahkan Haji Sulaiman Palestine untuk disahkan sebagai Presiden UMNO. Kali ini Dr. Mahathir yang tidak mahu menjadi Presiden UMNO seumur hidup itu dan rela disingkirkan jika tidak menjalankan tugasnya, dipercayai tidak akan dicabar oleh sesiapa.

Pada penggal pertama (1981-84) Dr. Mahathir sebagai Presiden UMNO telah beregu dengan Musa sebagai Timbalannya. Apa kata, kalau para perwakilan menukar selera pula pada penggal kedua nanti (1984-87) di mana Dr. Mahathir beregu dengan Ku Li pula sebagai Timbalan? Kiranya ia menjadi kenyataan, darulah adil kerana sepanjang dua penggal menjadi Presiden UMNO, Dr. Mahathir memperolehi dua orang Timbalan Presiden UMNO iaitu Musa dan Ku Li. Barulah ahli-ahli UMNO dapat menilai siapa yang lebih cekap menjalankan tugas sebagai Timbalan Presiden UMNO.

Ku Li dipercayai membuat "come back" pada tahun depan. Kiranya berlaku pertandingan Musa-Razaleigh sekali lagi, ia dapatlah dianggap sebagai satu lagi "fight of the century".

Kiranya Ku Li menang sebagai Timbalan Presiden UMNO, sudah tentu jawatan Timbalan Perdana Menteri bertukar tangan. Ku Li tidak mungkin mengelakkan jawatan Menteri Kewangan yang disandangnya kerana dengan kedudukannya sebagai Timbalan Perdana Menteri, sudah tentu kedua-dua jawatan itu akan membebankannya. Oleh itu calon Menteri Kewangan yang baru perlu dicari. Mungkinkah Datin Paduka Rafidah Aziz atau Datuk Seri Sanusi Junid? Dan dengan kemenangan Ku Li sebagai Timbalan Presiden UMNO nanti, dapatkah beliau mengawal Raja berhubung dengan masalah rukyah dan falak seperti yang disarankan oleh Subky Latif dalam Fokus Pagi Jumaat?

Bagaimana pula kiranya Musa kalah? Musa akan terus kekal dalam kabinet. Hal yang sama berlaku pada Ku Li dua tahun lalu. Sekalipun kalah merebut jawatan Timbalan Presiden UMNO, beliau terus kekal sebagai Menteri Kewangan dan dikenalkan jawatan Bendahari UMNO. Musa mungkin dikenalkan sebagai Menteri Dalam Negeri atau menggantikan Tan Sri Ghazali Shafie yang

sudah lama berkhidmat dalam kerajaan sebagai Menteri Luar. Sekurang-kurangnya dapat melatih Musa sebagai seorang diplomat yang disegani di peringkat antarabangsa. Dan dapat mengiringi Dr. Mahathir setiap kali Perdana Menteri membuat lawatan rasmi ke negara luar. Atau Musa mungkin tertarik dengan tawaran Datuk Mustafa Jabar dua tahun lalu yang pernah menawarkan jawatan Setiausaha Agung UMNO kepada mana-mana calon yang kalah dalam perebutan jawatan Timbalan Presiden UMNO ketika itu.

Bagaimana pula kiranya Ku Li mengalami kekalahan keduanya pada tahun depan? Kiranya percubaan kedua tetap tidak berjaya, ini bermakna masa depan politiknya terus gelap. Oleh itu sewajarnlah beliau mengkotakan kata-katanya yang pernah dilafazkan pada dua tahun lepas untuk meletakkan jawatan sebagai Menteri Kewangan apabila kalah lagi kali ini. Atau mungkin beliau menerima tawaran menjadi Duta ke negara luar.

Penulis telah membicarakan dengan panjang lebar kemungkinan Ku Li mencabar Musa pada tahun depan. Bagaimana pula dengan calon-calon lain? Ghafar Baba mungkin tidak berminat menandingi Musa kerana menumpukan perhatiannya terhadap perniaaan. Lagipun kiranya beliau bertanding dan menang pula, ini bermakna Ghafar terpaksa duduk di bawah juniornya dahulu, Dr. Mahathir. Oleh itu memadailah beliau bertanding jawatan Naib Presiden. Bagaimanapun beliau dipercayai tidak ada masalah untuk menyokong Ku Li.

Harun mungkin berminat menandingi Musa kerana Harun pernah jadi mangsa mainan politik. Kemenangan Haji Suhaimi sebagai Ketua Pemuda UMNO pada tahun 1980 mengalahkan Harun dikatakan kerana mendapat sokongan Musa. Musa dikatakan tidak mahu Harun menang kerana kemenangan Harun sebagai Ketua Pemuda yang secara otomatisnya menjadi Naib Presiden UMNO akan menjelaskan peluangnya untuk naik sekalipun Musa juga seorang Naib Presiden ketika itu.

Kalau kita perhatikan suatu masa dahulu kedudukan Musa adalah di bawah Harun ketika Musa menjadi Naib Ketua Pemuda UMNO manakala Harun adalah Ketua Pemuda UMNO pada tahun 1971. Akan tetapi kedudukan telah bertukar di mana kini Musa

selaku Timbalan Presiden UMNO berada di atas Harun, seorang Naib Presiden UMNO.

Atas alasan-alasan yang disebutkan itu, Harun mampu menghadapi Musa. Akan tetapi masalah yang timbul sekarang, beliau bukanlah Ahli Parlimen. Kiranya Harun menang, Harun tidak dapat memegang jawatan Timbalan Perdana Menteri, kerana biasanya Timbalan Perdana Menteri adalah seorang Ahli Parlimen. Harun boleh memegang jawatan Timbalan Presiden UMNO tetapi masalahnya siapa pula yang akan menyandang jawatan Timbalan Perdana Menteri? Ini yang rumitnya. Keadaan akan berlainan kiranya Harun menyertai pilihanraya kecil bagi mana-mana kawasan Parlimen di Selangor sebelum menjelangnya Perhimpunan Agung UMNO Jun 1984. Kiranya beliau tidak menjadi Ahli Parlimen dalam tempoh masa tersebut, memadailah beliau menyokong Ku Li sahaja.

Sejarah telah membuktikan bahawa Naib Presiden UMNO ketiga sering naik. Dr. Mahathir naik setelah menjadi Naib Presiden UMNO ketiga (1975 - 78) dan hal yang sama berlaku pada Musa (1978-81). Nampaknya trend yang serupa tidak akan berlaku pada Naib Presiden sekarang (1981-84), Tengku Ahmad Rithaudeen. Kementerian Perdagangan dan Perindustrian yang dipegangnya tidak dapat menonjolkan dirinya ke atas sepertimana yang dapat dilakukan oleh Kementerian Pelajaran terhadap Dr. Mahathir dan Musa.

Oleh itu Tengku Rithaudeen bukanlah pencabar utama Musa. Manakala Anwar sebagai Naib Presiden UMNO dari tiket Ketua Pemuda buat masa sekarang belum mampu lagi menghadapi Musa. Anwar yang masih baru dalam UMNO masakan boleh menjatuhkan Musa yang sudah 'established' dalam UMNO.

Kesimpulannya Ku Li dan Harun adalah pencabar utama Musa. Bagaimanapun, penulis kira Ku Li lebih layak mencabar Musa kerana kedudukannya sebagai Menteri Kewangan banyak memberi keuntungan kepada mereka, manakala oleh kerana Harun bukan seorang Ahli Parlimen, ia tentu menyulitkan keadaan untuk memegang jawatan Timbalan Perdana Menteri, kiranya Harun bertanding dan menang pula. Sekalipun tidak tercatat dalam Perlembagaan UMNO bahawa Timbalan Presiden UMNO adalah secara

automatik menjadi Timbalan Perdana Menteri, tetapi adat telah menjadikannya demikian.

Ku Li masih mampu menandingi Musa untuk merebut kerusi Timbalan Presiden UMNO tahun depan. Itu pun terpulang kepada keadaan di waktu itu. Mungkin di saat-saat akhir nama orang lain yang muncul sebagai calon Timbalan Presiden UMNO. Siapa tahu dalam suasana yang ada sekarang, Harun mahu menguji pengaruhnya dalam UMNO? Atau siapa sangka kiranya Anwar Ibrahim muncul sebagai calon favourite untuk menentang Musa pada tahun depan? Segala-galanya bergantung kepada keadaan. Dan keadaan juga memungkinkan Musa menang tanpa bertanding kiranya Ku Li hanya mahu bertanding jawatan Naib Presiden UMNO.


Kiranya Ghafar, Harun dan Tengku Rithaudeen berkeputusan mempertahankan kerusi Naib Presiden UMNO masing-masing pada tahun depan, salah seorang daripada mereka akan tersingkir apabila Ku Li turut bertanding.

Oleh itu Tengku Rithaudeen perlulah bertanding bagi kedua-dua kerusi - Naib Presiden dan Ahli Majlis Tertinggi, untuk memastikan tidak tersingkir terus dari pucuk pimpinan UMNO. Sama-sama kita tunggu kedatangan Jun 1984 (kemungkinan besar Perhimpunan Agung tahun depan akan berlangsung pada bulan tersebut).

Akhir sekali, perlukah kerusi-kerusi Presiden dan Timbalan Presiden UMNO dipertandingkan? Dr. Mahathir pernah berkata bahawa beliau tidak mahu menjadi Presiden scumur hidup dan beliau juga pernah berkata yang menang tetap menang dan yang kalah pun turut menang kerana kita berada dalam satu parti. Oleh itu, pada hemat penulis, apa salahnya kedua-dua kerusi itu diperlombakan asalkan tidak melampaui batas-batas kemanusian.

Untuk mengakhiri rencana ini, sukalah penulis memetik pandangan Anwar Ibrahim berhubung dengan perkara ini: "Idealnya, untuk menjaga keharmonian, maka tidak patut ada pertandingan. Akan tetapi UMNO dengan prinsip demokrasi dan kebebasan, akan tercemar jika perkara ini ditetapkan sebagai dasar. Ia juga akan tercemar kalau pertandingan itu melampaui batas", (lihat Utusan Malaysia, 28 Jun 1983).

(Disiarkan dalam akhbar WATAN, Jumaat, 29 Julai 1983)



TUAN-TUAN semua mestui pandai-pandai membawa diri. Kalau saya tidak sempat jadi PM sekurang-kurangnya saya sudah jadi TPM. Tuan-tuan belum tahu lagi...mungkin itulah pesan Ghafar kepada Senator Rahim Baba dan Haji Ibrahim Tamby Chik.

KABINET RUJUK BALIK GHAFAR

SEPERTI yang dijangka, Ghafar Baba, 61, Naib Presiden UMNO telah dilantik menjadi Timbalan Menteri Malaysia yang baru bermula 10 Mei lalu. Dengan perlantikan tersebut, ini bermakna inilah kali pertama dalam sejarah UMNO, seorang Naib Presiden dilantik menjadi Timbalan Perdana Menteri setelah Timbalan Presiden yang ada, Datuk Musa Hitam meletakkan jawatan Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri mulai 16 Mac lalu.

Perlantikan ini juga menepati kata-kata Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad ketika merujuk pertandingan Razaleigh-Musa pada 26 Jun 1981 yang mana beliau berkata bahawa sesiapa yang memenangi dalam pertandingan Timbalan Presiden UMNO itu tidak semestinya dilantik menjadi Timbalan Perdana Menteri, sungguhpun ia mengambil masa lima tahun untuk menjadi kenyataan.

Perdana Menteri, Dr. Mahathir mengambil masa hampir dua bulan untuk mengumumkan perlantikan Timbalan Perdana Menteri yang baru (melalui Menteri Penerangan, Datuk Rais Yatim selaku jurucakap kabinet). Ini mengingatkan kita pada peristiwa 10 tahun silam, sekitar Januari-Mac 1976, di mana Tun Hussein Onn selaku Perdana Menteri ketika itu, turut mengambil masa selama dua bulan juga untuk mengumumkan perlantikan Dr. Mahathir sebagai Timbalan Perdana Menteri.

Dalam peristiwa Mac-Mei 1986 pula, banyak nama telah di-

spekulasi untuk dilantik sebagai Timbalan Perdana Menteri. Selain daripada Ghafar Baba sebagai calon favourite, nama Naib-Naib Presiden yang lain iaitu Datuk Seri Haji Wan Mokhtar Ahmad, Datuk Abdullah Haji Ahmad Badawi, Anwar Ibrahim. Malah nama Tengku Razaleigh Hamzah (Ku Li) yang tidak memegang sebarang jawatan dalam parti pun, turut dispekulasikan.

Akan tetapi takdir telah menyebelahi Ghafar Baba. Begitulah kehendak Tuhan. Sesudah 10 tahun menghilangkan diri dari kabinet Malaysia sejak bulan Mac 1976, Ghafar Baba muncul kembali dalam Kerajaan sebagai Timbalan Perdana Menteri dan juga Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar yang pernah di-sandangnya sebelum meninggalkan kabinet 10 tahun lalu.

Sebagaimana yang kita sedia maklum, Ghafar Baba meninggalkan kabinet 10 tahun lalu kerana beliau merajuk setelah tidak dipilih oleh Hussein Onn sebagai Timbalan Perdana Menteri. Walau bagaimanapun, beliau hanya merajuk dengan kebinet. Dengan parti, beliau tidak pernah merajuk. Buktinya, sekalipun tidak memegang sebarang jawatan kabinet sejak 1976, ahli-ahli parti tetap memilih beliau salah scorang Naib Presiden UMNO pada tahun 1978, 1981 dan 1984.

Ini berbeza dengan pemimpin UMNO yang lain. Apabila seorang pemimpin UMNO itu meletakkan jawatan kabinetnya sama ada secara sukarela atau dipaksa, dengan sendirinya pemimpin itu dilupakan oleh ahli -ahli sehingga tidak terpilih dalam pemilihan pucuk pimpinan UMNO.

Inilah keistimewaan yang terdapat pada Ghafar Baba, seorang tokoh politik yang matang, sehingga dapat bertahan selama 24 tahun berturut-turut menjadi Naib Presiden UMNO.

Dr. Mahathir berulangkali menyeru pemimpin-pemimpin UMNO supaya bersabar menunggu giliran masing-masing untuk naik. Inilah ganjaran bagi orang yang sabar. Selama 10 tahun Ghafar bersabar (setelah diketepikan oleh Hussein Onn), akhirnya dengan izin Allah, beliau dilantik juga menjadi Timbalan Perdana Menteri.

Sekiranya beliau tidak bersabar dan mementingkan diri sendiri, sudah tentu beliau yang kecewa dengan keputusan Hussein Onn pada tahun 1976 dahulu, mengambil keputusan untuk menentang

Pemangku Timbalan Presiden UMNO (1976-78), Dr. Mahathir dalam pemilihan 1978.

Sebaliknya, beliau yang bersabar itu tidak berbuat demikian. Ini menunjukkan Ghafar sebenarnya tidak bercita-cita tinggi. Sebab itulah ketika ditanya oleh para pemberita pada 7 Mei lalu, selepas pengumuman perlantikan beliau sebagai Timbalan Perdana Menteri, beliau berkata bahawa beliau sendiri tidak menduga akan diberi kepercayaan untuk memikul tanggungjawab yang amat berat itu.

Sekiranya beliau bercita-cita tinggi, sudah tentu beliau turut bertanding merebut jawatan Timbalan Presiden UMNO yang dikosongkan oleh Dr. Mahathir pada tahun 1981. Sebaliknya, beliau membiarkan Ku Li berentap dengan Musa untuk jawatan tersebut.

UMNO kini menjadi parti yang unik. Dalam parti, UMNO berbangga dengan Dr. Mahathir dan Musa sebagai orang nombor satu dan nombor dua. Manakala dalam Kerajaan pula, UMNO diwakili oleh Dr. Mahathir dan Ghafar sebagai orang nombor satu dan nombor dua.

Ini yang memeningkan kepada ahli-ahli UMNO dan orang-orang Melayu. Mereka mempunyai dua orang Timbalan. Seorang Timbalan Perdana Menteri dan seorang lagi Timbalan Presiden. Ghafar dan Musa!

Untuk tidak memeningkan kepala ahli-ahli UMNO, sewajarlah ahli-ahli UMNO memilih Ghafar sebagai Timbalan Presiden UMNO dalam pemilihan pucuk pimpinan UMNO pada tahun depan.

Adalah lebih wajar seorang Timbalan Perdana Menteri, orang nombor dua dalam Kerajaan turut dipilih sebagai orang nombor dua dalam parti.

Bagaimana pula dengan kedudukan Musa Hitam? Sekiranya Musa yang sudah bosan dengan politik wang itu, berpegang kepada hasratnya untuk meletakkan jawatan Timbalan Presiden UMNO (seperti yang diacahnya pada bulan Februari lalu), sewajarlah beliau tidak bertanding apa-apa jawatan pada tahun 1987.

Walau bagaimanapun, sekiranya beliau berhasrat untuk mengotakatkan kata-katanya yang pernah menyarankan supaya orang Melayu bersikap kurang ajar sedikit, tahun 1987 adalah waktu

yang sesuai untuk mencabar Dr. Mahathir bagi jawatan Presiden UMNO. Soal menang atau kalah, adalah soal lain.

Namun demikian, sekiranya Musa ingin terus berbakti kepada parti, sudah tentu pada tahun 1987 akan menyaksikan pertandingan Musa-Ghafar untuk kerusi Timbalan Presiden UMNO. Sebagai orang nombor dua dalam Kerajaan, sudah tentu Ghafar akan mencabar Musa sekiranya Musa berhasrat mengekalkan jawatan tersebut. Takkannya orang nombor dua dalam Kerajaan nak bertanding jawatan nombor tiga dalam parti (Naib Presiden)!

Bagaimana pula dengan Ku Li? Ku Li sudah hampir sepenggal (1984-87) tidak memegang sebarang jawatan dalam Majlis Tinggi UMNO sekalipun terus dikekalkan dalam kabinet. Oleh itu untuk menyelamatkan kedudukan politiknya, sewajarlah beliau bertanding jawatan Naib Presiden UMNO pada tahun depan.

Sudah tentu Ku Li tidak tergamak berentap dengan Ghafar bagi jawatan Timbalan Presiden UMNO pada tahun depan, memandangkan pada tahun depan, genap 25 tahun atau suku abad Ghafar menduduki kerusi Naib Presiden. Oleh itu sesudah suku abad menduduki kerusi Naib Presiden, berilah peluang kepada Ghafar untuk merasa kerusi Timbalan Presiden pula. Ku Li yang masih muda itu masih banyak peluang untuk naik sekiranya beliau mencontohi sifat sabar Ghafar.

Dengan terlantiknya Ghafar sebagai Timbalan Perdana Menteri, telah melesetkan teori lama iaitu Naib Presiden UMNO yang memegang portfolio Kementerian Pelajaran yang biasanya melonjak naik. Teori itu memang ternyata tepat pada diri Hussein Onn, Dr. Mahathir dan Musa.

Hussein Onn dilantik menjadi Timbalan Perdana Menteri ketika menjadi Menteri Pelajaran dan Naib Presiden UMNO. Dr. Mahathir melalui proses yang sama ketika dilantik menjadi Timbalan Perdana Menteri. Musa Hitam ketika dipilih oleh para perwakilan UMNO 1981 sebagai Timbalan Presiden yang membuatkan beliau dilantik menjadi Timbalan Perdana Menteri, juga merupakan seorang Naib Presiden UMNO dan Menteri Pelajaran.

Akan tetapi teori itu tidak menjadi kenyataan bagi Dollah Bawawi, Menteri Pelajaran dan Naib Presiden UMNO. Beliau kurang berasib baik. Bukan sahaja tidak dilantik menjadi Timbalan

Perdana Menteri, malah beliau turut kehilangan jawatan Menteri Pelajaran itu kepada Anwar Ibrahim, rakan senegerinya.

Beliau tidak dilantik menjadi Timbalan Perdana Menteri bukanlah kerana beliau orang Musa, tetapi masih muda lagi. Peluang baginya untuk naik masih banyak sekalipun dengan Kementerian Pertahanan agak sukar bagi beliau untuk mempertahankan kerusi Naib Presiden UMNO pada tahun depan.

Lagipun adalah tidak wajar bagi Dr. Mahathir melantik Timbalannya dari Utara juga sekiranya Dollah Badawi menjadi pilihan (Kedah-Pulau Pinang). Oleh itu perlantikan Ghafar dapat mengimbangi pengaruh tradisi Utara-Selatan (Kedah-Melaka).

Perlantikan Ghafar menamatkan pemerintahan 2M (Julai 1981-Mac 1986), sebaliknya menonjolkan pemerintahan MG (Mahathir-Ghafar). Sama-samalah kita tunggu pembaharuan di zaman pemerintahan MG.

Perlantikan Ghafar adalah satu penghormatan kepada rakyat Negeri Melaka dan juga satu penghormatan kepada Maktab Perguruan Sultan Idris, Tanjong Malim yang telah berjaya melahirkan seorang anak watan yang dapat mencapai tangga kedua tertinggi dalam Kerajaan. Akhir kata, perlantikan Ghafar sebagai Timbalan Perdana Menteri membuatkan pemilihan pucuk pimpinan UMNO 1987 lebih mencemaskan dan mendebarkan. Sama-samalah kita tunggu tahun 1987 dan sekalung tahniah kepada Dr. Ghafar Baba!

(Disiarkan dalam akhbar WATAN, Selasa, 27 Mei 1986).



KE MANA Pak Lah laju sangat tu. Jangan tak sabar-sabar Pak Lah sebab takut tergelincir nanti. Abang Abu Bakar nampaknya berdiri teguh di belakang Pak Lah.

SEMBILAN MENTERI TANDING NAIB PRESIDEN

OLEH KERANA rombakan kecil kabinet yang berkuatkuasa pada 10 Mei lalu, cuma melibatkan lima orang menteri dari parti UMNO, maka pembicaraan rencana ini akan berkisar sekitar Menteri-Menteri UMNO sahaja.

Ghafar Baba membuat 'come back'nya dalam kabinet dengan menerima jawatan Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar. Bekas Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, Datuk Seri Sanusi Junid ditukarkan ke Kementerian Pertanian.

Bekas Menteri Pertanian pula, Anwar Ibrahim dilantik menjadi Menteri Pelajaran. Manakala bekas Menteri Pelajaran, Datuk Abdullah Haji Ahmad Badawi mengambil alih Kementerian Pertahanan daripada Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad. Dr. Mahathir pula mengambil alih Kementerian Dalam Negeri yang dikosongkan oleh Datuk Musa Hitam sejak 16 Mac lalu.

Dengan rombakan kecil kabinet ini, ia merupakan kali keenam Dr. Mahathir membentuk kabinetnya sejak mengambil alih jawatan Perdana Menteri daripada Tun Hussein Onn sejak 16 Julai 1981.

Dr. Mahathir telah mengumumkan kabinet sulungnya pada 18 Julai 1981, dua hari selepas mengangkat sumpah sebagai Perdana Menteri Malaysia yang keempat. Dalam pembentukan kabinet su-

lunnya ini, kita dapati dua orang Timbalan Menteri telah dinaikkan pangkat menjadi menteri penuh.

Mereka ialah Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, Dollah Badawi menjadi Menteri Di Jabatan Perdana Menteri dan Timbalan Menteri Dalam Negeri, Sanusi Junid dinaikkan pangkat menjadi Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar (yang mana Kementerian itu diwujudkan semula setelah berkubur di zaman pemerintahan Hussein Onn).

Kali kedua, Dr. Mahathir membentuk kabinetnya pada 29 April 1982, selepas BN menerima mandat semula dalam pilihanraya umum 22 April. Dua orang Menteri Besar/Ketua Menteri yang bertanding di peringkat Parlimen telah dilantik menjadi menteri penuh.

Mereka ialah Datuk Rais Yatim yang dilantik menjadi Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (bekas Menteri Besar Negeri Sembilan) dan Datuk Seri Adib Adam yang dilantik menjadi Menteri Penerangan (bekas Ketua Menteri Melaka). Dua orang menteri yang digugurkan ialah Datuk Shariff Ahmad dan Datuk Mohamed Rahmat.

Pada 2 Jun 1983, Dr. Mahathir membentuk kabinet barunya buat kali ketiga. Kali ini dua orang Timbalan Menteri dinaikkan pangkat menjadi menteri penuh.

Mereka ialah Anwar Ibrahim, Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri yang dilantik menjadi Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, dan Datuk Shahrir Samad, Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian yang dilantik menjadi Menteri Wilayah Persekutuan.

Kali keempat Dr. Mahathir mengumumkan kabinet barunya pada sekitar Julai 1984 selepas tamatnya Perhimpunan Agung UMNO yang mana rombakan terpaksa dibuat apabila ada menteri yang tidak terpilih semula sebagai Ahli Majlis Tertinggi UMNO.

Tiga orang menteri baru muncul termasuk dua orang Timbalan Menteri yang dinaikkan pangkat menjadi menteri penuh. Kedua-duanya ialah Datuk Khalil Yaakob, Timbalan Menteri Pelajaran yang dinaikkan pangkat menjadi Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Datuk Abu Hassan Omar, Timbalan Menteri Pen-

gangkutan yang dinaikkan pangkat menjadi Menteri Kebajikan Masyarakat.

Manakala seorang lagi, seorang Ahli Parlimen, Daim Zainuddin terus dilantik menjadi Menteri Kewangan yang baru menggantikan Tengku Razaleigh Hamzah (Ku Li) yang ditukarkan ke Kementerian Perdagangan dan Perindustrian.

Perlantikan Daim amat bertuah kerana beliau tidak perlu melalui proses dari bawah sama ada Setiausaha Parlimen atau Timbalan Menteri terlebih dahulu sebelum dilantik menjadi menteri penuh. Hal yang sama pernah berlaku pada Dr. Mahathir yang terus dilantik menjadi Menteri Pelajaran oleh Allahyarham Tun Razak (1974) dan Ku Li yang terus dilantik menjadi Menteri Kewangan oleh Hussein Onn (1976).

Oleh kerana tidak ada peristiwa yang mendesak yang boleh menyebabkan kabinet dirombak, maka kita dapat sepanjang tahun 1985, Dr. Mahathir tidak membuat sebarang rombakan kabinet.

Walau bagaimanapun, sehingga bulan Mei 1986, sudah dua kali Dr. Mahathir membuat rombakan kecil kabinet. Pada 4 Januari lalu, rombakan kabinet hanya melibatkan Menteri-Menteri MCA sahaja. Itulah kali kelima Dr. Mahathir mengumumkan kabinetnya.

Dan pada 10 Mei lalu buat kali keenam, Dr. Mahathir mengumumkan kabinet barunya. Rombakan ini terpaksa dibuat kerana mengisi kekosongan jawatan Timbalan Perdana Menteri, jawatan kedua penting dalam kerajaan.

Sekarang ini UMNO mempunyai 14 orang Menteri, MCA pula 4 orang dan lain-lain parti 1 orang (MIC, PBB, BERJAYA, GERAKAN, SUPP dan PBDS). Boleh dikatakan semua Menteri UMNO dilantik oleh Dr. Mahathir kecuali empat orang iaitu Ghafar Baba (Tunku Abdul Rahman); Tengku Ahmad Rithaudeen (Tun Razak); Ku Li (Hussein Onn); dan Rafidah Aziz (Hussein Onn).

Ini bermakna sembilan orang menteri yang dilantik di zaman Dr. Mahathir adalah bakal mewarisi pucuk pimpinan tertinggi UMNO di masa depan (Dollah Badawi, Sanusi Junid, Rais Yatim, Adib Adam, Anwar Ibrahim, Shahrir Samad, Khalil Yaakob, Abu Hassan Omar dan Daim Zainuddin). Terpulanglah kepada mereka sendiri untuk memainkan peranan masing-masing supaya terus

dikekalkan dalam kabinet Dr. Mahathir.

Dengan terlantiknya Ghafar Baba sebagai Timbalan Perdana Menteri, ia menarik perhatian kita sama ada Ghafar terus berpuas hati dengan kerusi Naib Presiden UMNO atau berminat pula untuk merebut kerusi Timbalan Presiden UMNO pada tahun depan.

Sekiranya Dr. Mahathir memberi sokongan kepada Timbalan barunya itu, Ghafar akan mudah menawan kerusi Timbalan Presiden UMNO pada tahun depan. Ini bermakna apabila Ghafar bertanding jawatan Timbalan Presiden UMNO, satu kerusi Naib Presiden UMNO akan kekosongan.

Dollah Badawi dan Datuk Seri Wan Mokhtar Ahmad sudah tentu akan mempertahankan kerusi Naib Presiden UMNO yang disandangnya sekarang. Oleh itu kerusi Naib Presiden UMNO yang dikosongkan oleh Ghafar akan menjadi rebutan sekurang-ku - rangnya tujuh orang Menteri UMNO.

Rais Yatim sudah tentu akan mencubanya buat kali ketiga. Manakala Sanusi pula akan mencubanya buat kali kedua. Anwar Ibrahim yang kini berpindah ke Kementerian Pelajaran sudah tentu akan melepaskan jawatan Ketua Pemuda UMNO pada tahun depan (sekiranya berjaya mempertahankannya dalam Perhimpunan Julai ini) untuk mencuba kerusi Naib Presiden UMNO buat kali pertamanya.

Selepas Dr. Mahathir dilantik menjadi Menteri Pelajaran oleh Allahyarham Tun Razak pada 5 September 1974, beliau berjaya memenangi kerusi Naib Presiden UMNO dalam pemilihan 1975. Begitu juga yang terjadi pada Musa Hitam.

Setelah dilantik menjadi Menteri Pelajaran oleh Hussein Onn pada Januari 1978, beliau berjaya memenangi kerusi Naib Presiden UMNO pada pertengahan tahun 1978 itu. Bagaimana pula dengan Anwar Ibrahim? Adakah beliau berjaya memenangi kerusi Naib Presiden UMNO melalui jawatannya sebagai Menteri Pelajaran? Sama-samalah kita tunggu tahun 1987.

Adib Adam tidak bertanding jawatan Naib Presiden UMNO pada tahun 1984 lalu kerana Ghafar, calon senegerinya, mempertahankannya. Oleh itu Adib sudah tentu akan bertanding buat kali pertama apabila Ghafar bertanding jawatan Timbalan Presiden UMNO pula.

UMNO Johor sudah tentu akan mengemukakan Shahrir Samad sebagai calon Naib Presidennya. Shahrir dijangka bertanding buat kali pertama.

Daim Zainuddin selaku Menteri Kewangan mungkin berminat menandingi kerusi Naib Presiden UMNO dengan kedudukannya sebagai menteri kanan. Akan tetapi ia terpulang kepada keadaan memandangkan calon dari Kedah sudah ada iaitu Sanusi Junid yang akan bertanding buat kali kedua.

Seorang lagi calon yang difikirkan akan merebut kerusi Naib Presiden UMNO ialah Menteri Perdagangan dan Perindustrian, Ku Li. Memandangkan Ghafar dijangka merebut kerusi Timbalan Presiden UMNO sama ada menentang Musa atau tidak, Ku Li yang sudah sepenggal tidak berada dalam Majlis Tertinggi UMNO (1984-1987) perlulah memikirkan masa depan politiknya memandangkan beliau boleh menjadi regu Ghafar bila Ghafar menjadi Presiden UMNO bilamana Dr. Mahathir melepaskan jawatannya pada tahun 1990.

Pada tahun 1981 dan 1984, sekiranya Ku Li turut bertanding jawatan Naib Presiden UMNO, selain dari menentang Musa untuk jawatan Timbalan Presiden UMNO, Ku Li dipercayai dapat menenangi jawatan Naib Presiden UMNO dengan mudah. Akan tetapi oleh kerana terlalu berpegang kepada prinsipnya, maka beliau sendiri yang terkorban dengan tidak memegang apa-apa jawatan dalam Majlis Tertinggi UMNO sekalipun dikekalkan sebagai Menteri Perdagangan dan Perindustrian oleh Dr. Mahathir. Oleh itu Ku Li yang masih muda itu hendaklah mencontohi sifat sabar Ghafar dan memadailah beliau bertanding jawatan Naib Presiden UMNO.

Dalam suasana Ku Li bertanding jawatan Naib Presiden UMNO, Tengku Ahmad Rithaudeen yang pernah menjadi Naib Presiden UMNO sepenggal (1981-84) sudah tentu tidak akan bertanding jawatan tersebut, memandangkan mereka dari negeri yang sama. Memadailah beliau bertanding jawatan Ahli Majlis Tertinggi UMNO sahaja.

Rombakan kecil kabinet pada 10 Mei lalu, membuatkan pemilihan UMNO 1987 semakin menarik. Sekurang-kurangnya sembilan orang calon difikirkan berminat untuk bertanding jawatan

Naib Presiden UMNO pada tahun depan- Dollah Badawi, Wan Mokhtar, Rais Yatim, Sanusi Junid, Adib Adam, Anwar Ibrahim, Shahrir Samad, Daim Zainuddin dan Ku Li. Sama-sama kita tunggu pertengahan tahun 1987 untuk menyaksikan barisan Ahli-Ahli Majlis Tertinggi UMNO 1987-1990 yang baru!

(Disiarkan dalam akhbar WATAN, Sabtu, 31 Mei 1986)

KEDUA-DUA tokoh ini adalah penyokong saya yang setia. Kedua-duanya pernah jadi menteri. Adakah Ghafar juga mempunyai penyokong setia yang sudah menjadi menteri? Kalau tiada, bila lagi hendak mendapatkan penyokong-penyokong seumpama ini? ...mungkin itu kata Musa.



RAHSIA DI SEBALIK KABINET KETUJUH

SEGALA-GALANYA berlaku dalam jangka waktu yang paling singkat. Tiga minggu sahaja. Atau lebih tepat lagi, dalam masa 23 hari cuma.

Pada 19 Julai 1986, Parlimen Malaysia dibubarkan untuk membolehkan pilihanraya umum yang ketujuh diadakan. Lima hari kemudian (24 Julai), hari penamaan calon pula dijalankan. Sembilan hari berikutnya (2 dan 3 Ogos), hari pengundian pula berlangsung.

Pada subuh 4 Ogos, Barisan Nasional (BN) berjaya membentuk semula kerajaan di peringkat Parlimen apabila BN memenangi 148 kerusi daripada 177 kerusi, melebihi majoriti dua pertiga.

Kemenangan cemerlang BN itu lebih merupakan satu pengesahan kepada kepimpinan Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad sebagai Perdana Menteri Malaysia yang keempat bila mana pada 16 Julai lalu genap lima tahun pemerintahannya.

Tujuh hari kemudian- 11 Ogos- Dr. Mahathir mengumumkan pembentukan kabinet barunya di pejabatnya di sebelah tengahari dan diikuti pula dengan majlis mengangkat sumpah di hadapan Yang Dipertuan Agong di Istana Negara pada sebelah petangnya.

Nampaknya perkataan ‘instant’ (segera) terus bermain di bibir kita. Kita ada ‘instants mee’ (mi segera), ‘instant book’ (buku segera)- (istilah yang digunakan oleh K. Das untuk bukunya, ‘The

Musa Dilemma') dan kini kita ada pula 'instant election' (pilihanraya segera).

Penulis sifatkan pilihanraya umum yang lalu sebagai 'instant election' kerana dalam tempoh sembilan hari sahaja pengundian dijalankan selepas hari penamaan calon. Dalam sejarah politik Malaysia, pilihanraya yang ketujuh ini mencatat sejarah kerana ia diadakan dalam jangka waktu yang paling singkat.

Dari pilihanraya umum, kita beralih kepada pembentukan kabinet baru pula. Rombakan kabinet pada 11 Ogos lalu merupakan rombakan kabinet Dr. Mahathir yang ketujuh sejak beliau menjadi Perdana Menteri pada 16 Julai 1981.

Rombakan tersebut memperlihatkan lima orang Menteri telah digugurkan dari kabinet Dr. Mahathir. Mereka ialah Datuk Khalil Yaakob (Menteri di Jabatan Perdana Menteri), Datuk Seri Adib Adam (Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah), Datuk Paul Leong Khee Seong (Menteri Perusahaan Utama), Datuk Mak Hon Kam (Menteri Kesihatan) dan Datuk Dr. James Ongkili (Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kehakiman).

Khalil Yaakob digugurkan kerana beliau bertanding di DUN Bukit Tajau dalam pilihanraya 3 Ogos untuk membolehkan beliau dilantik menjadi Menteri Besar Pahang Darul-Makmur. Adib Adam dan Paul Leong sekalipun terpilih semula bertanding dalam pilihanraya lepas, akan tetapi mereka digugurkan terus dari kabinet Dr. Mahathir.

Nampaknya Adib hanya berada sepenggal sahaja dalam kabinet Dr. Mahathir. Dalam pilihanraya umum 1982, beliau bertanding di peringkat Parlimen setelah menjadi Ketua Menteri Melaka sepenggal (1978-82). Pada 29 April 1982, Adib dilantik oleh Dr. Mahathir menjadi Menteri Penerangan. Pada bulan Julai 1984, beliau ditukarkan ke Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah dan terus kekal di situ sehingga digugurkan dari kabinet pada 11 Ogos lalu.

Di Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, Adib banyak membuat perubahan. Antaranya, beliau memperkenalkan Hari Peneroka, Briged Tani Negara dan Tunas Rebung. Akan tetapi, oleh kerana beliau dikaitkan dengan Kem Musa Hitam, maka beliau terpaksa menerima akibatnya.

Dengan kedudukannya sebagai Ahli Parlimen Alor Gajah, nampaknya terpaksa Adib melupakan hasratnya untuk bertanding jawatan Naib Presiden UMNO pada tahun depan. Dengan kedudukannya sebagai Ahli Parlimen biasa, agak sukar bagi beliau memenangi kerusi Naib Presiden UMNO. Oleh itu memadai lah beliau mempertahankan kerusi Ahli Majlis Tertinggi UMNO yang disandangnya kini dalam pemilihan UMNO tahun depan. Sama-sama kita tunggu pertengahan tahun 1987 untuk melihat apakah tanpa memegang sebarang Kementerian, Adib Adam masih diterima oleh para perwakilan UMNO sebagai Ahli Majlis Tertinggi?

Paul Leong terpaksa mengosongkan kerusinya di Kementerian Perusahaan Utama kerana kuota menteri dari Parti Gerakan hanya seorang sahaja. Apabila Presiden Gerakan, Datuk Dr. Lim Kheng Yaik berpindah kawasan dari bertanding di DUN Jalong ke Parlimen Bruas, maka Paul Leong terpaksa menjadi Ahli Parlimen biasa sahaja.

Mak Hon Kam dan Dr. James Ongkili tidak bertanding dalam pilihanraya lalu. Sebab itulah mereka digugurkan dari kabinet. Mak Hon Kam lebih bernasib baik daripada Dr. James Ongkili kerana Hon Kam akan dilantik menjadi Senator tidak lama lagi.

Empat orang menteri baru telah dilantik oleh Dr. Mahathir dalam rombakan kabinet kali ini. Mereka terdiri daripada dua orang bekas Menteri Besar, seorang Presiden Gerakan dan seorang Naib Presiden Parti Bersatu Sabah (PBS).

Seperti biasa, setiap kali rombakan kabinet yang diadakan selepas pilihanraya umum, kita dapat peluang Timbalan Menteri untuk naik pangkat menjadi menteri penuh tidak terbuka. Ini adalah kerana terdapatnya bekas Menteri Besar yang bertanding di peringkat Parlimen.

Oleh yang demikian, peluang untuk dilantik menjadi menteri penuh lebih terbuka kepada bekas Menteri Besar yang bertanding di peringkat Parlimen. Sebab itulah kita dapat dua orang bekas Menteri Besar telah dilantik menjadi menteri penuh iaitu Datuk Seri Najib Tun Razak (bekas Menteri Besar Pahang Darul-Makmur) dan Datuk Ajib Ahmad (bekas Menteri Besar Johor).

Hal yang serupa berlaku dalam rombakan kabinet yang di-

adakan selepas pilihanraya umum 1982. Rais Yatim, (bekas Menteri Besar Negeri Sembilan) dan Adib Adam, (bekas Ketua Menteri Melaka) yang bertanding di peringkat Parlimen telah dilantik menjadi menteri penuh.

Dengan terlantiknya 'dua JIB' ini (Najib dan Ajib) sebagai Menteri penuh, ini bermakna Dr. Mahathir sama sekali tidak mensia-siakan kedua-dua orang Musa Hitam ini. (Mereka berdua adalah di antara empat orang Menteri Besar yang mengikuti rombongan memujuk Musa Hitam di London pada bulan Mac lalu).

Najib mengambil alih Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan daripada Datuk Dr. Sulaiman Daud. Berusia 33 tahun, beliau merupakan menteri UMNO yang termuda. Muda dari usia tetapi dari segi pengalaman, agak luas kerana sudah 10 tahun terpilih Ahli Parlimen dan Ahli Dewan Undangan Negeri.

Sebelum dihantar ke Pahang Darul-Makmur sebagai Menteri Besar dalam pilihanraya umum 1982, beliau pernah menjadi Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, Timbalan Menteri Pelajaran dan Timbalan Menteri Kewangan. Oleh yang demikian, dengan pengalaman yang luas dalam kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri, tidak syak lagi beliau akan menjadi menteri yang cekap dan dedikasi.

Ajib pula adalah bekas Setiausaha Politik kepada Musa Hitam ketika bertanding buat kali pertama di DUN Endau dalam pilihanraya umum 1982. Beliau yang tidak ada sebarang pengalaman dalam Kerajaan sebelum itu, terus dilantik menjadi Menteri Besar Johor. Selepas memenangi kerusi Parlimen Mersing pada 3 Ogos lalu, beliau dilantik menjadi Menteri di Jabatan Perdana Menteri menggantikan Khalil Yaakob.

Dua orang lagi menteri baru ialah Dr. Lim Kheing Yaik dan Kasitah Gadam. Dr. Lim bukanlah orang baru dalam kabinet kerana pada tahun 1972, beliau pernah menjadi Menteri Tugas-Tugas Khas dalam kabinet Allahyarham Tun Razak. Kasitah Gadam pula yang mewarisi jawatan yang ditinggalkan oleh Dr. James Ongkili merupakan orang baru. Beliau menang tanpa bertanding di Parlimen Kinabalu dalam pilihanraya 3 Ogos dan merupakan salah seorang Naib Presiden PBS.

Empat orang menteri bertukar kementerian antara satu sama

lain. Datuk Sharir Samad (Wilayah Persekutuan) bertukar dengan Datuk Abu Hassan Omar (Kebajikan Masyarakat). Begitu juga Rais Yatim (Penerangan) bertukar dengan Tengku Ahmad Rithaudeen (Luar). Tiga orang menteri yang terlibat dalam rombakan kabinet pada 10 Mei lalu dikenalkan di Kementerian masing-masing Dollah Badawi (Pertahanan), Sanusi (Pertanian) dan Anwar (Pelajaran).

Chan Siang Sun mengambil alih Kementerian Kesihatan yang dikosongkan oleh Mak Hon Kam. Dr. Sulaiman Daud pula mengambil alih Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah yang ditinggalkan oleh Adib Adam.

Menteri-menteri lain kekal di kementerian masing-masing- Ku Li (Perdagangan dan Perindustrian), Rafidah (Perusahaan Awam), Daim (Kewangan), Dr. Ling Liong Sik (Pengangkutan), Lee Kim Sai (Buruh), Samy Vellu (Kerjaraya), Stephen Yong (Sains, Teknologi dan Alam Sekitar) dan Leo Moggie (Tenaga, Telekom dan Pos).

Nampaknya Ghafar Baba yang lebih beruntung. Di samping mengekalkan Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, beliau diserahkan satu lagi kementerian tambahan iaitu Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Setelah dilantik menjadi Timbalan Perdana Menteri pada 10 Mei lalu, Ghafar telah menunjukkan kemampuan yang luar biasa. Dalam masa tiga bulan beliau muncul kembali dalam kabinet Malaysia, ternyata kemampuan beliau tidak boleh diperkecincikan.

Ghafar terlalu ligat. Program hariannya padat. Lebih-lebih lagi dalam musim pilihanraya baru-baru ini. Bersama-sama dengan Dr. Mahathir, beliau begitu sibuk menjelajah negara berkempen dalam pilihanraya. Ternyata penjelajahan Dr. Mahathir dan Ghafar amat berhasil sehingga PAS gagal menawan kedah, Kelantan dan Terengganu.

Rupa-rupanya ketekunan dan ketangkasanan beliau dalam masa tiga bulan ini, membuatkan Dr. Mahathir tidak ragu-ragu menyerahkan satu lagi kementerian kepada Ghafar . Dr. Mahathir sendiri yakin Ghafar mempunyai kemampuan untuk menjaga dua Kementerian sekaligus-Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar serta Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan di

samping meneruskan tugasnya sebagai Timbalan Perdana Menteri.

Sepatutnya Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan itu diberikan kepada MCA. Akan tetapi oleh kerana prestasi MCA begitu merosot dalam pilihanraya lalu, maka kuota empat orang menteri MCA dikurangkan menjadi tiga orang sahaja. Masyarakat Cina tidak perlu bersedih terhadap MCA yang mendapat tiga orang menteri sahaja kerana mereka menolak MCA dalam pilihanraya lalu, sebaliknya memilih DAP mewakili mereka.

Sebenarnya, ini merupakan amaran daripada Dr. Mahathir. Sekiranya masyarakat Cina mahukan mereka diwakili dalam kerajaan, mereka hendaklah menolak DAP dalam pilihanraya akan datang.

Penyerahan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan kepada Ghafar Baba lebih merupakan satu usaha mengukuhkan kedudukan politik Ghafar kerana pada tahun depan, sudah tentu Ghafar akan menawarkan dirinya sebagai calon Timbalan Presiden UMNO.

Sekiranya beliau berjaya menerajui Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar serta Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, ini akan memudahkan para perwakilan UMNO memilih beliau sebagai Timbalan Presiden UMNO yang baru pada tahun depan.

Sehingga kini tinggal sembilan orang menteri UMNO yang dilantik oleh Dr. Mahathir dalam kabinet. Mereka ialah Dollah Badawi (1981), Sanusi (1981), Rais (1982), Anwar (1983), Shahrir (1983), Abu Hassan (1984), Daim (1984), Najib (1986), dan Ajib (1986) setelah Adib (1982) dan Khalil (1984) terkeluar dari kabinet Dr. Mahathir.

Adalah diharapkan sembilan orang menteri UMNO yang dilantik oleh Dr. Mahathir ini berhati-hati kerana sekiranya mereka gagal mempertahankan kedudukan mereka dalam Majlis Tertinggi UMNO pada tahun depan, alamatnya akan tersingkirlah mereka dari kabinet.

Hal yang sama berlaku pada tahun 1984. Apabila Ghazali Shafie dan Manan Othman gagal mempertahankan kerusi Majlis Tertinggi UMNO maka dengan sendirinya mereka digugurkan dari kabinet.

Oleh itu mereka perlulah bekerja keras dari sekarang supaya tidak tersingkir dari kabinet pada tahun depan. Pandai-pandailah mengendalikan kementerian masing-masing untuk dihakimi oleh para perwakilan UMNO pada tahun depan.

(Disiarkan dalam akhbar WATAN, Selasa, 26 Ogos 1986).

KEDUA-DUA tokoh ini adalah penyokong saya yang setia. Kedua-duanya pernah jadi menteri. Adakah Ghafar juga mempunyai penyokong setia yang sudah menjadi menteri? Kalau tiada, bila lagi hendak mendapatkan penyokong-penyokong seumpama ini? ...mungkin itu kata Musa.



NASIB MB-MB BARU DALAM MT

BERIKUTAN dengan kemenangan cemerlang BN di semua negeri di Semenanjung dalam pilihanraya umum yan lepas, semua Kerajaan Negeri yang baru telah selesai dibentuk pada 14 Ogos lalu.

Negeri Terengganu mendahului negeri-negeri lain dalam membentuk kerajaan apabila pada 7 Ogos, Datuk Seri Wan Mokhtar Ahmad mengangkat sumpah sebagai Menteri Besar (MB) Terengganu bagi penggal keempat.

Ini diikuti pula oleh Negeri Melaka bilamana Datuk Seri Rahim Thamby Chik mengangkat sumpah sebagai Ketua Menteri (KM) Melaka, bagi penggal kedua pada 9 Ogos.

Dua hari berikutnya -11 Ogos- Datuk Mohamad Yaakob mengangkat sumpah sebagai MB Kelantan bagi penggal ketiga. Seterusnya Negeri Johor membentuk kerajaan pada 13 Ogos dengan terlantiknya bekas Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, Haji Muhyiddin Haji Yassin sebagai MB Johor yang baru.

Pada hari yang sama, Dr. Lim Chong Eu mengangkat sumpah sebagai KM Pulau Pinang bagi penggal kelima. Dan kemuncaknya pada 14 Ogos, enam buah negeri serentak telah membentuk kerajaan (Negeri Sembilan, Perak, Kedah, Pahang, Perlis, dan Selangor).

Di Negeri Sembilan, Datuk Isa Datuk Samad dilantik semula

sebagai MB bagi penggal kedua. Di Perak, Datuk Seri Ramli Ngah Talib yang mengetuai kerajaan Perak sejak Mac 1983 dilantik semula sebagai MB.

Di Kedah, Datuk Paduka Osman Aroff yang menjadi MB sejak awal 1985, juga telah dilantik semula. Negeri Pahang Darul-Makmur memperolehi MB baru iaitu bekas Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Khalil Yaakob.

Negeri Perlis juga mendapat MB baru iaitu Dr. Hamid Pawan-teh, bekas Timbalan Speaker Dewan Rakyat dan di Selangor pula, ADUN Batang Kali, Muhammad Haji Mohd Taib yang bertanding bagi penggal kedua dalam pilihanraya lalu telah dilantik menjadi MB yang baru.

Di antara sebelas buah negeri ini, empat buah negeri telah mendapat MB yang baru. Apabila Khalil Yaakob, Haji Muhyiddin, Dr. Hamid meninggalkan kawasan Parlimen masing-masing untuk bertanding di peringkat negeri, dengan sendirinya semua orang tahu bahawa mereka adalah bakal MB Pahang Darul-Makmur, Johor dan Perlis yang baru.

Hal ini berlainan pula dengan Negeri Selangor. Tidak ada pengganti yang khusus apabila nama bekas MB Selangor digugurkan dari senarai calon-calon BN buat kali kedua.

Pada mulanya memanglah nama Datuk Ahmad Razali telah digugurkan. Pada saat ini, nama Menteri Kebajikan Masyarakat, Datuk Abu Hassan Omar disebut-sebut akan bertanding di peringkat negeri untuk dibolehkan dilantik menjadi MB Selangor yang baru.

Walau bagaimanapun, nama Ahmad Razali dikekalkan semula apabila didesak oleh para penyokongnya. Akan tetapi di saat-saat akhir menjelang hari penamaan calon, nama beliau digugurkan terus dari senarai calon-calon BN Selangor. Oleh itu nama Abu Hassan tidak sempat diketengahkan semula untuk bertanding di peringkat negeri. Maka kekalkan Abu Hassan bertanding di kawasan Parlimen Kuala Selangor.

Dalam keadaan kelam kabut inilah, pelbagai nama ahli EXCO telah dispekulasikan sebagai MB Selangor yang baru. Malah, khabarnya ada juga ADUN yang mengeluarkan wang ringgit sendiri untuk menghadap DYMM Sultan Selangor di London untuk me-

lobi Sultan.

Akan tetapi manusia hanya mampu merancang. Yang menentukan adalah Tuhan. Begitulah yang terjadi. Suratan takdir telah menyebelahi Muhammad Haji Mohd. Taib. Beliau yang menang tanpa bertanding di DUN Batang Kali amat terkejut dengan perlantikan beliau sebagai MB Selangor yang baru. Sama-sama kita tunggu ketokohan 'Lee Lam Thye UMNO' ini sebagai MB Selangor.

Tidak banyak kekecohan yang timbul dalam perlantikan MB/KM kecuali di Negeri Sembilan. Kekecohan timbul apabila perlantikan semula Isa Samad sebagai MB, dibantah oleh Undang-Undang Luak Rembau, Jelebu, Johol dan Tunku Besar Tampin. Walau bagaimanapun, kekecohan ini berakhir apabila Dr. Mahathir menghantar 'Henry Kissinger UMNO', Ghafar Baba untuk menyelesaikannya. Untung juga Dr. Mahathir memiliki Timbalan Perdana Menteri yang disegani oleh pihak istana.

Di antara sebelas buah negeri ini hanya Kelantan yang membuat perlantikan Timbalan Menteri Besar (TMB). Ahmad Rastom Datuk Maher yang sudah dua penggal menjadi ahli EXCO telah dilantik menjadi TMB yang baru menggantikan Datuk Haji Arifin Said yang hanya kekal sebagai ADUN Paloh sahaja.

Sepatutnya jawatan TMB/TKM (Timbalan Ketua Menteri) hendaklah diwujudkan di setiap negeri. Lebih-lebih lagi Pulau Pinang yang mengekalkan Dr. Lim Chong Eu sebagai KM.

UMNO amat berbangga dengan kehebatan Presiden kelimanya, Dr. Mahathir. Akan tetapi sehebat-hebat Dr. Mahathir sekalipun, Dr. Mahathir tidak dapat mengembalikan jawatan KM Pulau Pinang ke pangkuhan UMNO sekalipun UMNO memperolehi 12 buah kerusi DUN.

Dr. Mahathir terpaksa tunduk kepada kehendak Penasihat Gerakan, Dr. Lim Chong Eu sekalipun Gerakan hanya memenangi sembilan kerusi sahaja dalam pilihanraya lalu. Oleh itu kita menyokong penuh saranan Jamilah Abu Bakar supaya Chong Eu melantik TKM dari UMNO untuk meredakan perasaan tidak puas hati orang-orang Melayu Pulau Pinang (lihat WATAN, Sabtu 23-25 Ogos, 1986, muka 10). Malah semua negeri hendaklah mewujudkan jawatan TMB/TKM untuk meringankan beban yang di-

pikul oleh MB/KM sekarang.

Di antara sebelas buah negeri ini, hanya Pahang Darul Makmur yang sering bertukar MB selepas berlangsungnya pilihanraya umum. Selepas pilihanraya umum 1978, Rahim Bakar telah muncul sebagai MB Pahang. Pilihanraya umum 1982 menghasilkan Datuk Seri Najib Tun Razak sebagai MB dan kali ini Khalil Yaacob pula menjadi MB yang baru.

Ini menunjukkan Negeri Pahang Darul Makmur dapat melahirkan corak pentadbiran dan kepimpinan yang berbeda stailnya, selepas setiap kali berlangsungnya pilihanraya umum. Sekurang-kurangnya rakyat dapat membuat perbandingan, siapakah antara mereka yang paling banyak membuat jasa kepada mereka.

Di antara barisan MB/KM ini, ada yang terlalu lama menjadi MB/KM. Sudah sampai masanya UMNO membuat ketetapan bahawa seseorang ADUN itu hendaklah memegang jawatan MB/KM untuk dua penggal berturut-turut sahaja (dua kali pilihanraya umum). Bagi penggal ketiga, hantarlah MB/KM itu bertanding di peringkat Parlimen atau bersarakanlah mereka sekiranya mereka sudah tua.

Apabila seseorang itu menjadi MB/KM terlalu lama, ia akan terdedah kepada segala bentuk penyelewengan, rasuah, favouritisme dan nepotisme. Oleh itu untuk mempastikan bahawa konsep Bersih, Cekap, dan Amanah dapat terus dipertahankan, seelok-eloknya seseorang itu menjadi MB/KM untuk dua penggal berturut-turut sahaja.

Oleh itu pada pilihanraya umum akan datang (1990?), sekiranya pandangan ini diambil kira oleh pucuk pimpinan UMNO, kita akan dapati Negeri-Negeri Terengganu, Kelantan, Perak, Negeri Sembilan dan Melaka memperolehi MB/KM baru.

Ramli Ngah Talib, Isa Samad dan Rahim Thamby Chik bolehlah bertanding di peringkat Parlimen pada tahun 1990. Dan sudah sampai masanya bagi Wan Mokhtar dan Mohamad Yaacob bersara dari politik pada tahun 1990 kerana rakyat Terengganu dan Kelantan memerlukan muka baru sebagai MB untuk membawa kedua-dua negeri itu ke tahap lebih gemilang. Slogan 'Wan Mokhtar itu Terengganu dan Terengganu itu Wan Mokhtar' sepatutnya tidak perlu dicanangkan kerana tanpa Wan

Mokhtar, Terengganu terus boleh maju. Apakah Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr. Yusof Noor akan menjadi MB Terengganu yang baru pada tahun 1990? Sama-sama kita tunggu.

Bagi MB/KM dari UMNO, hanya enam orang sahaja yang menduduki kerusi Majlis Tertinggi UMNO. MB Terengganu, Wan Mokhtar adalah salah seorang Naib Presiden UMNO. Manakala lima orang lagi iaitu Khalil Yaakob (Pahang), Ramli (Perak), Mohamad Yaakob (Kelantan), Isa Samad (Negeri Sembilan) dan Rahim Thamby Chik (Melaka) adalah Ahli Majlis Tertinggi UMNO.

Empat orang lagi MB bukanlah Ahli Majlis Tertinggi UMNO iaitu Osman Aroff (Kedah), Haji Muhyiddin (Johor), Dr. Hamid Pawanteh (Perlis) dan Muhammad Haji Mohd Taib (Selangor).

Yang menarik perhatian kita sekarang, apakah semua MB baru ini akan terpilih sebagai Ahli Majlis Tertinggi UMNO dalam pemilihan tahun depan? Sama-sama kita tunggu pertengahan tahun 1987 untuk melihat apakah mereka dapat diterima oleh para perwakilan UMNO dan melihat sama ada MB/KM yang menyandang jawatan Ahli Majlis Tertinggi UMNO sekarang dapat mengekalkan kedudukan masing-masing.

Wan Mokhtar sudah tentu akan mempertahankan kerusi Naib Presiden UMNO yang disandangnya kini. Dan kita ingin lihat apakah Khalil (MB Pahang Darul Makmur) dan Ramli (MB Perak) yang mendapat undi yang tertinggi dan kedua tertinggi dalam Perhimpunan Agung 1984 akan mencuba merebut kerusi Naib Presiden UMNO buat kali pertama pada tahun depan?

Sekiranya Ramli, Khalil dan Wan Mokhtar bertanding merebut kerusi Naib Presiden UMNO, peluang bagi Ramli untuk menang adalah cerah kerana Perak menghantar bilangan perwakilan yang teramai. Sama-sama kita tunggu tahun 1987 untuk melihat segala kemungkinan ini berlaku.

(Disiarkan dalam akhbar WATAN, Selasa, 2 September 1986)

TAK APA, walaupun saya tidak dapat jadi TPM sewaktu awak jadi PM mungkin saya akan merasa kerusi itu apabila Ghafar jadi PM nanti. Insya-Allah manalah tahu nasib saya sudah ditentukan demikian.



SEMPATKAH GHAFAR JADI PM?

APA yang menarik diperhatikan pada pertandingan Timbalan Presiden UMNO pada 24 April lalu, ialah kejayaan seorang Naib Presiden menumbangkan seorang Timbalan Presiden bertahan. Satu sejarah baru dalam politik UMNO.

Kejayaan Ghafar Baba menewaskan Datuk Musa Hitam dengan majoriti 40 undi mengembalikan tradisi UMNO iaitu seorang Timbalan Perdana Menteri mestilah juga menjawat jawatan Timbalan Presiden UMNO.

Ghafar mendapat 739 undi, manakala Musa memperolehi 699 undi. Yang menjadi tandatanya kepada kita, adanya undi rosak sebanyak 41 undi di mana dikatakan tidak terpangkah langsung di kertas undi.

Regu Mahathir-Ghafar menyifatkan kertas undi yang tidak terpangkah langsung itu sebagai protes penyokong Tengku Razaleigh kepada Musa, tetapi regu Razaleigh-Musa mendakwa beberapa bahagian UMNO telah "dibelii" untuk tidak memangkah sesiapa.

Sekiranya tidak ada undi rosak, dan undi rosak itu semuanya berpihak kepada Musa, ini bermakna Musa akan menang dengan kelebihan 1 undi. Sebaliknya jika semua undi rosak itu berpihak kepada Ghafar, Ghafar menang dengan majoriti yang lebih besar, 81 undi.

Sudah tentu tarikh 24 April 1987 tidak akan luput dari ingatan Ghafar. Pada tarikh itulah beliau meninggalkan jawatan Naib Presiden UMNO yang disandangnya selama 25 tahun untuk menjawat jawatan Timbalan Presiden pula. Sudah dua kali Musa berrentap dengan Ku Li untuk jawatan itu, akhirnya Ghafar yang dapat jawatan Timbalan Presiden.

Itulah yang dikatakan tuah. Orang yang tidak pernah merancang untuk menjadi Timbalan Presiden, tiba-tiba rezeki datang menggolek bila Musa melepaskan jawatan Timbalan Perdana Menteri. Dengan kedudukannya sebagai Timbalan Perdana Menteri, telah membantunya memenangi jawatan Timbalan Presiden UMNO.

Keadaan yang sama berlaku kepada Tun Hussein Onn dan Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad. Tun Hussein Onn dilantik sebagai Timbalan Perdana Menteri pada tahun 1973 selepas kematian Tun Dr. Ismail dan kemudiannya disahkan sebagai Timbalan Presiden UMNO dalam pemilihan 1975. Begitu juga Dr. Mahathir. Dilantik sebagai Timbalan Perdana Menteri pada tahun 1976 dan dua tahun kemudian, beliau disahkan sebagai Timbalan Presiden UMNO.

Musa menjawat kerusi Timbalan Presiden UMNO terlebih dahulu. mudian baru dilantik menjadi Timbalan Perdana Menteri. Sesudah dua penggal menjadi Timbalan Presiden UMNO, Musa gagal memperbaharui kedudukannya kerana Musa tidak mempunyai apa-apa kedudukan dalam kerajaan. Masakan Musa dapat menewaskan seorang Timbalan Perdana Menteri yang mempunyai segala kemudahan.

Pada 24 April lalu, Musa menerima kekalahan pertama dalam sejarah karier politiknya. Sedari tahun 1972, beliau menduduki kerusi Majlis Tertinggi (447 undi -tempat kelapan). Tiga tahun kemudian, Musa berjaya meningkatkan kedudukannya dalam Majlis Tertinggi. Ketika itu beliau sudah menjadi Menteri Perusahaan Utama. Tahun 1978, beliau berjaya memenangi kerusi Naib Presiden dengan kedudukannya sebagai Menteri Pelajaran.

Hanya sepenggal di kerusi Naib Presiden, beliau mengalahkan Naib Presiden yang lebih senior, Ku Li untuk jawatan Timbalan Presiden pada 26 Jun 1981. Pada 25 Mei 1984, Musa berjaya

mempertahankan kerusi Timbalan Presiden dan akhirnya pada 24 April lalu, beliau gagal mempertahankan kerusinya. Apakah kariernya politik Musa berakhir dengan kekalahan ini? Atau apakah Musa akan membuat 'come back' tiga tahun lagi? Hanya waktu yang akan menentukannya.

Berbanding dengan Musa, Ghafar mengambil masa yang lebih lama untuk menjadi Timbalan Presiden UMNO. Musa mengambil masa tiga tahun untuk berhijrah dari kerusi Naib Presiden ke kerusi Timbalan Presiden, tetapi Ghafar mengambil masa selama 25 tahun berpindah dari kerusi Naib Presiden ke Timbalan Presiden.

Yang menjadi tandatanya kepada kita, sempatkah Ghafar menjadi Presiden UMNO dan Perdana Menteri Malaysia? Teori R.A.H.M.A.N. meramalkan pemimpin yang mempunyai pangkal nama A akan mengambil alih pimpinan Dr. Mahathir. Huruf A itu tidak semestinya Anwar Ibrahim atau Abdullah Ahmad Badawi, kerana A juga adalah pangkal nama Abdul Ghafar Baba. Hanya waktu sahaja yang akan menentukannya.

Pada mulanya Hussein Onn dikatakan mahu bersara lebih awal dari politik, tetapi Dr. Mahathir suruh Hussein Onn tunggu Perhimpunan Agung UMNO 1981. Menurut pakatan awal, difahaman Ku Li adalah orang selepas Dr. Mahathir. Tetapi atas sebab-sebab tertentu Dr. Mahathir menyokong sahabat karibnya, Musa untuk jawatan Timbalan Presiden dalam pertandingan segit yang melahirkan dua kem dalam UMNO.

Huru-hara itu terus berlaku dan berulang pada tahun 1984. Bagaimanapun, akhirnya kem Musa bersatu dengan kem Ku Li dalam pemilihan 1987 ini. Dan ini melahirkan satu kem lagi dalam UMNO iaitu kem Dr. Mahathir.

Sekiranya Dr. Mahathir mengambil jalan tengah dengan melantik orang ketiga sejak 1981, ini sudah tentu telah menyelamatkan UMNO. Katakan Hussein Onn bersara di awal tahun 1981, Dr. Mahathir terus menjadi Perdana Menteri dan Pemangku Presiden UMNO. Mengikut hirarki, Ku Li yang patut dilantik sebagai Timbalan Perdana Menteri.

Bagaimanapun Dr. Mahathir tidak menurut hirarki ini. Ia lebih berminat pada Musa. Ada kalangan berkata perlantikan Musa me-

nimbulkan perasaan tidak puas hati kepada Ku Li. Di saat inilah, orang ketiga iaitu Ghafar Baba patut dilantik sebagai Timbalan Perdana Menteri dan Pemangku Timbalan Presiden UMNO. Perhimpunan Agung UMNO pada 26 Jun 1981 hanya menunggu untuk mengesahkan perlantikan Ghafar sebagai Timbalan Presiden UMNO.

Sekiranya jalan ini diambil sejak 1981 lagi, keadaan yang wujud sekarang dalam UMNO mungkin tidak berlaku. Ghafar di-rujuk semula sesudah UMNO ditimpa krisis Mahathir-Musa, bagaimana Ghafar nak pulihkan UMNO di saat-saat genting seperti yang berlaku sekarang?

Bagaimanapun, kehadiran Ghafar semula dalam kerajaan dan kejayaannya menjadi Timbalan Presiden UMNO pada 24 April lalu, insya-Allah dapat membantu Dr. Mahathir mengurangkan politiking dalam UMNO.

Buat masa sekarang, tidak ada orang lain boleh mententramkan keadaan dalam UMNO selain dari Ghafar Baba. Mungkin tiga tahun lagi, lain pula ceritanya.

Kejayaan Ghafar Baba menewaskan Musa Hitam bukanlah kejayaan yang luar biasa. Dalam sejarah UMNO, seorang Timbalan Perdana Menteri tidak pernah tewas tetapi sejarah telah membuktikan bahawa pada 24 April lalu seorang Timbalan Presiden bertahan dapat ditewaskan oleh seorang Naib Presiden. Itupun kerana Timbalan Presiden bukan lagi seorang Timbalan Perdana Menteri. Sekiranya Timbalan Presiden itu masih lagi seorang Timbalan Perdana Menteri, sudah tentu percubaan Naib Presiden itu mudah dipatahkan!

(Disiarkan dalam WATAN, Sabtu 9 Mei 1987)



RAMAI juga peminat Muhyiddin. Malangnya peminat-peminat ini tidak menjanjikan undi untuknya meningkat lebih tinggi di dalam hiruk UMNO. Shah D'bunt(dua dari kanan) dah janji hendak tolong kempen. Mahukah orang percaya cakap-cakapnya. Tapi semua orang tahu dia budak Muar yang baik hati dan baik budi bahasanya.

TOKOH MCA BERLAGAK DAP

10 JULAI merupakan tarikh yang tidak akan dilupakan oleh masyarakat Cina kerana pada tarikh itulah, ahli-ahli Pergerakan Pemuda MCA berjaya meletakkan Datuk Yap Pian Hon sebagai ketuanya yang baru.

Ahli Exco Kerajaan Negeri Selangor Darul Ehsan itu mudah mengalahkan Gan Yee dengan kelebihan 1,136 undi. Pemilihan Yap Pian Hon sebagai Ketua Pemuda MCA yang baru amat sesuai dengan kedudukannya sebagai seorang tokoh Cina yang agak lantang.

Malah beliau lebih lantang daripada bekas Ketua Pemudanya, Datuk Kee Yong Wee. Kelantangan Pian Hon memanglah sudah diduga kerana beliau bukanlah tokoh MCA yang tulen. Beliau adalah tokoh DAP yang telah melompat ke parti MCA pada tahun 1973.

Malah sejarah politiknya agak membanggakan kerana beliau pernah mengalahkan Lee Lam Thye di kerusi Dewan Undangan Negeri Serdang pada tahun 1978.

Belumpun sampai dua bulan Pian Hon menerajui Pemuda MCA, beliau telah menimbulkan banyak isu, antaranya isu papan tanda di pesta Makanan Laut di Johor Bahru dan isu songkok di Universiti Teknologi Malaysia.

Ternyata Pian Hon semakin menunjukkan taringnya dan kini

memalapkan nama Timbalan Presiden MCA, Datuk Lee Kim Sai. Pian Hon semakin disanjung oleh ahli-ahli MCA. MCA kini beruntung kerana memiliki dua orang pemimpin yang berani dan lantang.

Yang anehnya, kedua-dua pemimpin MCA ini berasal dari Selangor. Kim Sai adalah Ahli Parlimen Hulu Langat manakala Pian Hon pula adalah ADUN Serdang. Apakah tokoh Cina dari negeri lain tidak mampu mencipta nama seperti Kim Sai dan Pian Hon? Ini yang menjadi tandatanya kepada kita.

Kita kurang tertarik untuk bercakap tentang Kim Sai kerana namanya kian dilupakan setelah isu Koperasi Pengambil Deposit (KPD) selesai.

Yang menjadi fokus kini ialah Pian Hon, yang semakin hari semakin banyak bercakap di akhbar.

Sungguhpun Timbalan Perdana Menteri, Ghafar Baba telah menyeru semua pihak jangan lagi mengeluarkan kenyataan yang sensitif, seruan Ghafar itu tidak dipatuhi oleh Pian Hon.

Pian Hon terus menyerang Pemuda UMNO. Paling terbaru, Pian Hon mempertikaikan kenyataan Pemangku Ketua Pemuda UMNO, Datuk Seri Najib Tun Razak yang mengatakan isu Bahasa Malaysia di Universiti Malaya hendaklah dihentikan.

Tindak-tanduk Pian Hon memang melukakan hati orang Melayu. Isu papan tanda di pesta Makanan Laut turut mengecewakan. Dalam sesi cakap-cakap dengan WATAN, Pian Hon mengatakan Menteri Besar Johor, Haji Muhyiddin Haji Yassin tidak memahami pantang larang masyarakat Cina.

Alasan itu memanglah tidak logik. Di zaman komputer ini, masyarakat Cina masih percaya kepada pantang larang? Lagipun bukannya tulisan Cina diharamkan terus. Tulisan Cina masih mendapat tempat di pesta itu tetapi tidak diutamakan. Jadi mereka menjadikan isu remeh temeh ini sebagai isu yang besar.

Bercakap tentang isu songkok di konvokesyen UTM, ia bukanlah isu baru. Ia telah bermula pada 1979 dahulu.

Yang anehnya, pelajar-pelajar bukan Melayu tidak bersungut-pun tentang songkok dan tudung di majlis itu. Sebaliknya Pian Hon membangkitkan isu yang sudah basi itu.

Ke manakah Pian Hon selepas ini? Isu apa pula yang akan di-

bangkitkannya nanti supaya terus kekal di hati orang MCA khususnya dan masyarakat Cina khasnya.

Apakah kita sanggup melihat lebih ramai pemimpin Cina seperti Kim Sai dan Pian Hon dalam Barisan Nasional? Kalau lahir Kim Sai dan Pian Hon itu tokoh DAP, kita tidak marah. Kerana itu memang kerja DAP, membangkang. Sebaliknya Kim Sai dan Pian Hon lebih bersifat DAP dari DAP sendiri. Oleh itu untuk memastikan MCA tidak menjadi seperti DAP, UMNO perlu terus mencabar Kim Sai meletakkan jawatannya sebagai Menteri Buruh dan Pian Hon meletakkan jawatannya sebagai Ahli Exco Kerajaan Selangor Darul Ehsan.

Sekiranya mereka tidak sanggup menerima cabaran ini, sudah sampai masanya bagi Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad untuk memecat Kim Sai dan Menteri Besar Selangor Darul Ehsan, Datuk Muhammad Haji Mohd Taib memecat Pian Hon sebagai Ahli Exco.

Kita tidak sanggup lagi melihat 'gunting dalam lipatan' dan 'musuh dalam selimut'! Kim Sai dan Pian Hon sendiri tidak menghormati Datuk Seri Dr. Mahathir dan Datuk Muhammad Haji Mohd Taib yang telah melantik mereka sebagai Menteri dan Ahli Exco sehingga tergamac mengeluarkan kenyataan sensitif.

Sudah sampai masanya bagi Perdana Menteri dan Menteri Besar Selangor bertindak tegas. Soalnya, sanggupkah mereka berbuat demikian? Inilah persoalan yang sering bermain di kepala ahli-ahli UMNO.....

(Disiarkan dalam akhbar WATAN, Sabtu, 5 September 1987)



INI bukanlah sambutan kemenangan bagi jawatan Timbalan Presiden. Tetapi semakin hari semakin ramai orang-orang baru yang menjadi penyokong Anwar mungkin Anwar pandai menjaga hati mereka.

BILA MELAYU HILANG SABAR

MELAYU adalah bangsa yang paling unik di dunia. Terdapat dua sifat yang ada pada bangsa Melayu yang tidak ada pada bangsa-bangsa lain. Pakar-pakar sosiologi Barat telah mengesahkan bahawa hanya bangsa Melayu yang memiliki sifat-sifat ini.

Kedua-dua sifat ini ialah 'melatah' dan 'mengamuk'. Dalam rencana ini, hanya sifat 'mengamuk' yang akan diperkatakan.

Kalau kita teliti kembali sejarah orang Melayu, kita akan temui peristiwa orang 'mengamuk' di zaman Kerajaan Melayu Melaka di mana peristiwa amukan itu berjaya direddakan oleh lima bersaudara, Hang Tuah, Hang Jebat, Hang Kasturi, Hang Lekir dan Hang Lekiu.

Malah di zaman itu juga, kita dapati Hang Jebat turut 'mengamuk' kerana ingin menuntut bela di atas kematian Hang Tuah.

Masa berlalu dan terus berganti Namun 'amuk' yang sudah sebat dengan jiwa orang Melayu tidak pernah luput.

Lapan tahun yang lampau pada -16 Oktober 1979 - sekumpulan lelaki berjubah dan berserban putih telah menyerang dan mengamuk di perkarangan Balai Polis Batu Pahat. Inilah peristiwa 'mengamuk' yang terbesar yang pernah berlaku di zaman ini.

Orang Melayu memang terkenal dengan sifat sabarnya. Akan tetapi kesabaran orang Melayu ada hadnya. Bila orang Melayu tidak tahan sabar, kerana ditengking atau diherdik selalu, maka 'me-

'ngamuk' adalah jawapan yang paling tepat bagi melepsakan 'tension' itu.

Bila orang Melayu sudah hilang sabar, maka ia sanggup 'mengamuk' dan bila 'amukan' ini berlaku, ia tidak kira siapa lagi kerana penyakit ini tidak kenal siapa mangsanya.

Oleh itu berhati-hatilah. Jangan terlalu mudah menyinggung perasaan orang-orang Melayu. Orang Melayu tidak kisah akan kehilangan banyak haknya. Bila Persekutuan Tanah Melayu ditukar menjadi Malaysia, orang-orang Melayu tak kisah pun.

Bila Bahasa Melayu jadi Bahasa Malaysia, orang Melayu tak bisingpun. Orang Melayu sanggup beri kerakyatan kepada kaum pendatang semata-mata untuk berkongsi memerintah negara ini. Orang Melayu merupakan bangsa yang mudah bertolak ansur tetapi jangan salah gunakan tolak-ansur yang diberikan oleh orang Melayu. Orang Melayu tak marah pun ketika Tunku Abdul Rahman menyerahkan Singapura kepada Lee Kuan Yew pada tahun 1965.

Itulah pengorbanan Melayu yang terlalu besar buat kaum Cina. Itupun masih tidak puas-puas lagi. Orang Melayu (UMNO) dengan orang Cina (MCA) melalui Perikatan kalah di tangan Gerakan di Pulau Pinang pada tahun 1969.

Bagaimanapun Dr. Lim Chong Eu bawa masuk Gerakan ke dalam Barisan Nasional pada tahun 1974. Sekalipun berada dalam BN, orang Melayu tidak mendapat pembelaan dari Gerakan di Pulau Pinang. Akan tetapi orang Melayu masih lagi sabar.

Kerajaan tubuhkan Lembaga Pembangunan Wilayah Pulau Pinang (PERDA) untuk bantu Melayu Pulau Pinang tapi disabotaj oleh Gerakan. Orang Melayu tak marah pun.

Kerusi Melayu satu demi satu jatuh ke tangan Gerakan di Pulau Pinang. Atas semangat tolak ansur. Calon Melayu dari PSRM tewas kerana orang Melayu patuh kepada BN. Biar orang Cina dari BN menang.

Akan tetapi selepas menang, calon itu seperti 'membuat' pula projek untuk 'halau' Melayu ke Seberang Perai. Dibinakan banyak projek perumahan, di kerusi majoriti Melayu itu. Manalah orang Melayu mampu beli rumah semahal itu.

Mahu tidak mahu terpaksa orang Melayu berpindah ke Sebe-

rang Perai. Inilah taktik Gerakan yang paling diplomasi untuk 'menghalau' orang Melayu. Itupun orang Melayu masih lagi sabar. Belum lagi sampai di tahap mengamuk. Orang Melayu patuh arahan pemimpin mereka.

Lebih-lebih lagi Pulau Pinang ada dua orang Naib Presiden UMNO - Datuk Abdullah Haji Ahmad Badawi dan Anwar Ibrahim. Apa yang Pak Lah dan Anwar kata, mereka patuh. Akan tetapi sampai bila Melayu harus bersabar?

Kita tidak pernah belajar dari sejarah. Politik perkauman yang begitu tebal menyebabkan berlakunya Peristiwa 13 Mei. Yang menjadi mangsa kepada politik perkauman ini bukanlah para pemimpin atasan parti-parti chauvinis itu, tetapi rakyat yang tidak berdosa menjadi mangsanya.

Tidak cukup dengan isu peribumi, ditiupkan pula isu guru naik pangkat. Satu persatu dibawa oleh kerabat BN sendiri iaitu MCA.

Orang Melayu tidak tahan lagi dengan sifat melampau orang Cina ini. Maka berhimpunlah seramai 15,000 orang Melayu di Stadium TPCA pada 17 Oktober lalu, untuk menunjukkan kepada orang Cina bahawa perpaduan Melayu masih padu.

Perhimpunan itu bersetuju memecat Lee Kim Sai dari kabinet. Kenapa hanya Kim Sai yang jadi tumpuan? Kenapa Yap Pian Hon tidak didesak untuk dipecat sama. Menteri Besar Selangor Darul-Ehsan Datuk Muhammad Haji Mohd Taib yang turut hadir dalam perhimpunan itu patut mengambil inisiatif dengan memecat Ahli Exco Kerajaannya itu yang juga Ketua Pemuda MCA yang membawa kembali isu papan tanda, isu songkok dan beberapa isu yang lain.

Orang Cina akan tersenyum kalau tuntutan perhimpunan itu supaya memecat Kim Sai tidak ditunaikan oleh Kerajaan. Mereka akan mengejek orang Melayu dengan berkata, apa orang Melayu boleh buat kepada Kim Sai.

Janganlah mengejek orang Melayu dengan sesuka hati. Orang Melayu yang selama ini sabar akan hilang sabarnya. Seperti kata Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad dalam Perhimpunan Agung UMNO tahun lalu, kesabaran Melayu ada batasnya. Berhati-hati lah katanya.

Belajarlah dari sejarah. Jangan mudah menyinggung perasaan

orang Melayu, nanti orang Melayu akan 'mengamuk'. Orang Melayu tidak sanggup menghancurkan tanahairnya sendiri. Kalau lah Malaysia bukan tanahair orang Melayu, sudah lama orang Melayu 'mengamuk' untuk mengajar orang Cina yang kurang ajar.

(Disiarkan dalam akhbar WATAN, Sabtu 24 Oktober 1987)

Hep-hep horci...saya menang dengan majoriti 413 undi. Bagaimana nasib Yassin Kamari dalam perlantingan MT tahun 1993 nanti.



PENGUNDI PARIT RAJA MAHU “PERDAMAIAIN”

KEKALAHAN calon Bebas tajaan Semangat 46, Haji Hamdan Yahya dalam pilihanraya kecil Parit Raja amat mengejutkan para pemerhati politik. Ini adalah kerana sebelum ini mereka meramalkan Haji Hamdan akan menang dalam pertandingan tujuh penjuru itu.

Ramalan mereka berdasarkan kemenangan cemerlang calon Bebas, Datuk Shahrir Samad dalam pilihanraya kecil Johor Bahru dua bulan lalu.

Bagaimanapun, ternyata ramalan itu meleset apabila calon BN, Mohd Yassin Kamari menang dengan majoriti 413 undi. Beliau memperolehi sebanyak 7,262 undi manakala Haji Hamdan Yahya mendapat 6,849 undi.

Sementara itu lima calon Bebas lain telah hilang wang pertaruhan masing-masing. Mereka ialah Mohd Amin Mohd Noor (67 undi), Aman Abdullah (42 undi), Haron Abdul Samad (30 undi), Mohd Yusof @ Mohd Salleh Anjaū (13 undi) dan Mohd Kelana Ahmad (9 undi).

Sejumlah 73.46 peratus daripada 19,651 pengundi berdaftar (termasuk 408 undi pos) mengundi di 33 saluran dalam 21 kawasan mengundi.

Menurut para pemerhati politik, kekalahan calon “favourite” Haji Hamdan Yahya adalah disebabkan oleh beberapa faktor.

Pertama, kesediaan UMNO (baru) membuka pintu kepada semua orang Melayu seperti mana diumumkan oleh Presiden UMNO (baru), Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad pada 15 Oktober sedikit sebanyak meninggalkan kesan kepada para pengundi.

Keputusan rakyat Parit Raja membuktikan mereka menolak kumpulan Tengku Razaleigh yang enggan berdamai apabila Tengku Razaleigh berkata "hidup mati balik pun, saya tak akan serta UMNO (baru)".

Pelawaan UMNO (baru) itu disifatkan oleh para pemimpin Semangat 46 sebagai helah politik dan ini menyebabkan para pengundi Parit Raja memberikan undi mereka kepada BN.

Faktor kedua, usaha memufliskan Haji Hamdan telah memberikan kesan kepada para pengundi. Menurut salah seorang pengundi yang sempat ditemui di Parit Raja, "Bukan saya tidak mahu mengundi Haji Hamdan. Kalau Haji Hamdan menang, kes muflisnya akan dikemukakan dan ini menyebabkan pilihanraya kecil terpaksa diadakan lagi. Jadi untuk mengelakkan semuanya ini, saya terpaksa memberi undi saya kepada Yassin Kamari".

Faktor ketiga, menurut pemerhati politik lagi, ialah keengganan Ahli Parlimen Bebas Johor Bahru, Datuk Shahrir Samad mengangkat sumpah di hadapan Speaker Dewan Rakyat pada 10 Oktober lalu.

Kata seorang pengundi Parit Raja, "Baru menang satu kerusi sudah tunjuk lagak. Lebih baik kita beri undi kita kepada BN".

Faktor keempat, risalah-risalah Barisan Menteri-Menteri Kabinet Malaysia 1989 yang diedarkan di saat-saat terakhir menyebabkan undi turut lari kepada calon BN.

Dalam risalah itu tercatat Perdana Menteri dan Menteri Kewangan ialah Tengku Razaleigh Hamzah manakala Timbalan Perdana Menteri Pertama ialah Lim Kit Siang dan Timbalan Perdana Menteri Kedua ialah Datuk Musa Hitam.

Menurut bekas Speaker Dewan Undangan Negeri Perak, Datuk Malek Ahmad, "Taktik BN mengedarkan risalah itu yang konon-kononnya dikeluarkan oleh Kumpulan Semangat 46 amat dikesali. Orang Melayu tidak dapat menerima orang lain menjadi Timbalan Perdana Menteri. Ia adalah amat sensitif kepada orang Melayu".

Faktor lain ialah penyertaan lima orang calon Bebas lain yang bertujuan untuk mengelirukan para pengundi sedikit sebanyak turut meninggalkan kesan. Sungguhpun mereka tidak berkempen, tetapi mereka berlima mampu mendapat jumlah 161 undi. Sekiranya mereka tidak turut serta dalam pertandingan ini, mungkin 161 undi itu lari kepada Haji Hamdan dan ini boleh mengurangkan majoriti Yassin daripada 413 undi kepada 252 undi. Atau barangkali ia dapat menambah majoriti Yassin daripada 413 undi kepada 574 undi.

Faktor keturunan Jawa Ponorogo tidak dapat dinafikan juga memainkan peranannya. Jawa Ponorogo yang terdiri daripada tiga suku pengundi di Parit Raja telah memenangkan calon seketur-nannya, Yassin Kamari. Manakala Haji Hamdan yang merupakan Jawa Ceribon tidak dapat memenangi hati majoriti Jawa Ponorogo.

Kekalahan Haji Hamdan barangkali dapat menginsafkan Kumpulan Semangat 46 yang terlalu over-confident. Scenario di Johor Bahru adalah berbeza dengan senario di Parit Raja.

Barangkali para pengundi Parit Raja lebih konservatif berbanding dengan pengundi Johor Bahru yang lebih radikal sifatnya.

Kemenangan Yassin membuktikan percubaan Kumpulan Semangat 46 menawan Dewan Undangan Negeri Johor tidak berjaya. Bagaimanapun, usaha ini mungkin menjadi kenyataan apabila ADUN Tenggara, Haji Adam Hamid mengosongkan kerusinya dan bertanding semula mengikut stail Datuk Shahrir Samad.

Walaupun kemenangan Yassin tidak sebesar mana, tetapi ia adalah keputusan rakyat. Yang patut mendapat penghargaan daripada kemenangan ini ialah Pengarah Pilihanraya BN, Mustaffa Mohamed yang telah bertungkus-lumus sejak awal lagi.

Sekurang-kurangnya Menteri Kebajikan Masyarakat itu dapat bernafas setelah diserang bertubi-tubi oleh Kumpulan Semangat 46 termasuk bekas Bossnya sendiri, Tun Hussein Onn.

(*Disiarkan dalam akhbar WATAN, Sabtu, 22 Oktober 1988*)



DENGAR sini baik-baik. Jika Musa masuk balik, kita orang-orangnya selamat. Tetapi jika tidak, lupakan sahaja dunia politik kita ... barangkali itulah kata-kata Shahrir kepada penyokong-penyokongnya.

ADUN TERUNTUM VS ADUN TERAS

SEKURANG-KURANGNYA ada dua perkara menarik di dalam pilihanraya kecil Bentong. Pertama, pertandingan ini merupakan pertembungan dua orang Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) dan kedua, kempennya lebih lama tiga minggu berbanding dengan pilihanraya kecil Johor Bahru, Parit Raja dan Ampang Jaya, yang tempoh kempennya cuma dua minggu.

Belum pernah berlaku dalam sejarah MCA, MCA mengemukakan calon yang sedang menjadi wakil rakyat (ADUN) untuk merebut kerusi Parlimen. Bagi DAP, ia adalah perkara biasa kerana biasanya calon yang bertanding untuk kerusi Parlimen kadang-kala turut bertanding untuk kerusi Dewan Undangan Negeri.

Itulah yang berlaku pada Lim Kit Siang, Karpal Singh, Dr. Tan Seng Giaw (sekadar menyebut beberapa nama) yang turut menjadi Ahli Parlimen (MP) dan ADUN. Bagi sejarah BN pula, ia menjadi kelaziman bagi parti-parti di Malaysia Timur sahaja. Presiden Parti Pesaka Bersatu (PPB), Tan Sri Haji Taib Mahmud bukan sahaja seorang ADUN malah seorang MP.

Di Sabah pula, Presiden Parti Bersatu Sabah (PBS), Datuk Pairin Kitingan selain menjadi ADUN Tambunan, beliau juga adalah MP Keningau. Sekurang-kurangnya empat orang tokoh poli-

tik lain di Sabah turut bertanding kedua-dua kerusi iaitu Menteri Kewangan Negeri, Datuk Bernard Dompok (ADUN Moyog dan MP Penampang), Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan Negeri, Datuk Kadoh Agundong (ADUN Tenom dan MP Padas), Presiden USNO, Tun Datu Haji Mustapha Datu Harun (ADUN Usukan dan MP Limbawang) dan Timbalan Presiden USNO, Datuk Haji Sakaran Dandai (ADUN Sulabayan dan MP Semporna).

Trend yang ada pada parti-parti komponen BN di Sabah dan Sarawak mula menular di kalangan MCA pula, satu lagi komponen utama BN di Semenanjung. MCA telah mengemukakan ADUN Teruntum, Datuk Lim Ah Lek untuk mempertahankan kerusi BN yang dikoosongkan berikutan kematian bekas Menteri Kesihian, Tan Sri Chan Siang Sun. Sementara DAP pula mengemukakan ADUN Teras, Lip Tuck Chee yang pernah dua kali tewas di tangan Tan Sri Chan pada tahun 1978 dan 1986.

Kehadiran tiga orang calon Bebas dalam pertandingan lima penjuru itu tidak memberikan kesan kepada dua calon utama, BN dan DAP. Calon Bebas, Mohamed Basri Mahidin, 38, Palanisamy Marapan, 36 dan Appu alias Ramakrishnan Raman, 58, dianggap oleh para pemerhati sekadar untuk mengacau daun sahaja.

Yang anehnya, tidak ada pula calon yang dikatakan ditaja oleh Persatuan Mahasiswa, yang digembar-gemburkan sebelum ini. Bagaimanapun, kehadiran calon Bebas berketurunan Melayu, Mohamed Basri yang pernah bertanding di situ sekurang-kurangnya memberi pilihan kepada para pengundi Melayu di kawasan Parlimen yang bermajoritikan Cina ini. Pengundi Cina berjumlah 21,358 atau 53.07%, pengundi Melayu berjumlah 15,036 atau 37.35%, pengundi India 3,664 atau 9.10% serta lain-lain 194 orang atau 0.48%.

Yang menjadi tandatanya kepada kita, kenapa MCA mencalonkan Datuk Lim Ah Lek? Adakah MCA ketandusan tokoh? Apa kurangnya bekas Setiausaha Politik kepada mendiang Tan Sri Chan Siang Sun, Tan Fong Seng atau apa kurangnya Naib Ketua Pemuda MCA, Chan Tse Yuen (juga anak Pahang)? Malah sebelum ini nama ADUN Benta, Chan Kong Choy turut disebut-sebut sebagai calon favourite untuk bertanding sebagai calon MCA.

Barangkali kerana faktor keturunan Guangxi, maka MCA me-

milih Datuk Lim Ah Lek yang sama-sama seketurunan dengan Tan Sri Chan. Majoriti pengundi Bentong adalah berketurunan dari Guangxi.

Seperti kata Presiden MCA, Datuk Seri Dr. Ling Liang Sik, sekiranya Datuk Lim menang, jawatan kabinet akan ditawarkan kepada beliau. Sesuai dengan kedudukannya sebagai bekas Exco Kampung Baru dan Kerajaan Tempatan selama empat penggal sejak 1974 (malah lebih lama daripada Tan Sri Khalil Yaacob), sudah tentu Datuk Lim akan ditawarkan jawatan menteri penuh.

Ini bermakna beliau dikehendaki meletakkan jawatan sebagai ADUN Teruntum sekiranya dilantik sebagai menteri penuh atau sekurang-kurangnya timbalan menteri. Ini bermakna bulan Julai nanti akan menyaksikan satu lagi pilihanraya kecil. Inilah risiko yang bakal dihadapi oleh para pengundi Bentong. Memilih Datuk Lim bermakna satu lagi pilihanraya kecil akan diadakan, bila Datuk Lim dilantik menyertai kabinet seperti kata Datuk Seri Dr. Ling Liang Sik. Dari segi senioriti berkhidmat sebagai wakil rakyat, Datuk Lim lebih lama dari Datuk Seri Dr. Ling sendiri biarpun beliau baru dilantik menjadi Naib Presiden parti menggantikan tempat Mendiang Tan Sri Chan. Oleh itu para pengundi Bentong perlu membuat pilihan yang bijaksana. Atau barangkali MCA kecewa dengan pengambilalihan saham MPH oleh HUME maka MCA meletakkan calon yang sudah ada kerusi. Maknanya kalau MCA kalah pun, MCA tidak kehilangan apa-apa kerana Datuk Lim sudah pun menjadi ADUN. Soal jawatan Exco yang telah diletakkan itu boleh dilantik lagi oleh Menteri Besar kerana itu adalah bidang kuasa Tan Sri Khalil Yaacob.


Begitu juga kalau DAP kalah pun, DAP tidak kehilangan apa-apa kerana Lip Tuck Chee sudah pun ada kerusi di Dewan Undangan Negeri. Bagaimanapun, penyertaannya kali ini mungkin membawa tuah sekiranya Semangat 46 yang tidak meletakkan sebarang calon membala budi DAP yang membantunya di Johor Bahru, Parit Raja dan Ampang Jaya sebelum ini. Kekalahan Lip Tuck Chee di tangan Tan Sri Chan pada tahun 1986 sebanyak 6,722 undi mungkin dapat dikurangkan dengan kerjasama Semangat 46 jika calon DAP itu masih tewas, dan mungkin sejarah bertukar dengan kemenangan Lip Tuck Chee kali ini dengan ma-

joriti yang kecil.

Sebelum ini Lip Tuck Chee mencipta nama bila memenangi pilihanraya kecil Teras di Raub pada tahun 1983 berikutan kematian bekas ADUN dari MCA, Mendiang Tan Liew Thong. Apakah Lip, 45, dapat memenangi kerusi Parlimen Bentong pula berikutan kematian Mendiang Tan Sri Chan Siang Sun? Sekiranya beliau menang, ini bermakna dua kali Lip menang pilihanraya kecil di atas kematian wakil rakyat MCA.

Sama-samalah kita tunggu 13 Mei 1989, sama ada Datuk Lim Ah Lek atau Lip Tuck Chee yang akan menjadi MP Bentong.

(*Disiarkan dalam akhbar WATAN, Khamis, 4 Mei 1989*)



SYED Hamid, Rahim Baba dan Mokhtar Samad... ketiga-tiga ini adalah pemimpin UMNO Bahagian di Wilayah Persekutuan. Mungkin mereka sedang berbincang mengenai nasib Ghafar di dalam mengharungi hari-hari muka.

PLEASE...don't hit me. Sanusi menepis tuduhan dan toh mahan yang mengatakan beliau terlibat dengan isu surat layang dan mengupah penulis menjauhkan seseorang.





KHALID Yunus...suatu ketika dahulu adalah seorang penyokong setia Ghafar tetapi sekarang beliau dikatakan menjadi penyokong kuat Anwar. Betulkah bang?



SAYA tidak perlu meminta maaf dengan Ghafar sebab saya tidak pernah buat salah dengan beliau. Biarlah Azman Attar tuduh saya bersalah dengan Ghafar yang pentingnya saya tahu bahawa saya tidak lakukan sesuatu yang tidak baik terhadap TPM, kata Najib.



OK, OK, OK...kata Dr. Jamaluddin Jarjis. Jangan ada yang nak cuba lawan Najib kerana Al- Amin, Zain, Akhbar sudah bersiap sedia menjadi panglima yang mempertahankan bosnya.

JAGA-JAGA jangan sampai kalah macam Kelantan. Kau orang semua masa senang tak pernah ingat zaman susah...mungkin itu yang dikatakan oleh Mohamad Yaacob, bekas MB Kelantan kepada Tajol Rosli. Berdiri di sampingnya, bekas Setiausaha Politiknya, Hashim Safin.





GHAFAR baik dan Anwarpun baik. Kedua-duanya bekerja untuk negara. Kedua-duanya saya sayang. Biarlah orang tuduh saya lebihikan Anwar tetapi saya tidak kata begitu. Mereka diperlukan oleh negara, barangkali itu kata PM.



MUSA yang tertawakan Razaleigh atau Razaleigh yang tertawakan Musa. Itu tidak penting kerana mereka seronok dengan situasi itu. Turut kelihatan ialah Zulaikha, isteri Musa.

SUDAHKAH

anda membaca buku ini?

Jika belum pesan terus dengan menghantar
P.O./M.O. atau Cek atas nama:

WAJAH KOTA (M) SDN. BHD.

5-1, Jalan Dewan Sultan Sulaiman Satu,
50300 KUALA LUMPUR.

Tajuk: Mengapa Muhyiddin Tidak Popular

Harga: RM5.00

Pos percuma. Sila hantar lebih RM1 (Seringgit)

untuk pos
berdaftar.

DAUD IBRAHIM



MENGAPA MUHYIDDIN TIDAK POPULAR

JADI TANDA
TANYA...

Tebal:
120 muka
surat

SUDAHKAH

anda membaca buku ini?

Jika belum pesan terus dengan menghantar
P.O./M.O. atau Cek atas nama:

WAJAH KOTA (M) SDN. BHD.
5-1, Jalan Dewan Sultan Sulaiman Satu,
50300 KUALA LUMPUR.

Tajuk: Apa Strategi Musa Hitam?

Harga: RM5.00

Pos percuma. Sila hantar lebih RM1 (Seringgit)

untuk pos
berdaftar.

APA STRATEGI MUSA HITAM ?



Tebal:
116 muka
surat

